

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DATO' NANCIE FOO,  
MENYELUSURI PERJALANAN HIDUP SITI NAQUIAH**

**HASLEEZA BINTI HAMIDDIN**

**(2020489386)**

**SAYANG ASYIRA BINTI JAMALI**

**(2020470184)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023**

## **ISI KANDUNGAN**

<i>ABSTRAK</i> .....	<i>iii</i>
<i>PENGHARGAAN</i> .....	<i>iv</i>
<i>SENARAI ABREVIASI</i> .....	<i>v</i>
<i>RUJUKAN KATA</i> .....	<i>vi</i>
<i>INDEKS</i> .....	<i>xii</i>
<b>1.0 BIODATA PENEMUBUAL</b>	
1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1 .....	1
1.2 BIODATA PENEMUBUAL 2 .....	2
1.3 BIODATA TOKOH .....	3
<b>2.0 PENGENALAN</b>	
2.1 PENDAHULUAN .....	6
2.2 LATAR BELAKANG KAJIAN .....	6
2.3 PERMASALAHAN KAJIAN .....	7
2.4 OBJEKTIF KAJIAN .....	8
2.5 PERSOALAN KAJIAN .....	8
2.6 KEPENTINGAN KAJIAN .....	9
<b>3.0 TINJAUAN LITERATUR</b>	
3.1 Pendahuluan .....	10
3.2 Senario Seni .....	10

3.3 Kepentingan Biografi Tokoh .....	11
4.0 METODOLOGI KAJIAN	
4.1 PENDEKATAN KAJIAN.....	12
4.2 PESERTA KAJIAN .....	12
4.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA .....	13
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL .....	14
6.0 RALAT .....	53
7.0 HASIL KAJIAN.....	54
8.0 LOG TEMUBUAL.....	55
9.0 RUJUKAN.....	59
10.0 LAMPIRAN	
10.1 Lampiran 1 – Surat Perjanjian .....	61
10.2 Lampiran 2 – Soalan Temubual .....	63
10.3 Lampiran 3 – Diari Kajian.....	67
10.4 Lampiran 4 – Gambar .....	69

## **ABSTRAK**

### **Transkrip Temubual Bersama Dengan Dato' Nancie Foo: Menyelusuri Perjalanan Hidup Siti Naquiah.**

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh iaitu Dato' Nancie Food dan pelajar iaitu Hasleeza binti Hamiddin dan Sayang Asyira binti Jamali untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lalu yang pernah dilalui oleh seseorang. Melalui sejarah lisan, segala jenis rekod berkenaan sesuatu kejadian atau peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan dalam memori mereka yang terlibat yang tidak diketahui umum. Kajian ini menceritakan tentang latar belakang dan sejarah hidup seorang tokoh yang bernama Dato' Nancie Foo atau lebih dikenali dengan Dato' Nancie. Beliau merupakan seorang pelakon veteran Malaysia yang pernah terkenal pada suatu ketika dahulu. Penglibatan beliau dalam dunia lakonan bermula selepas beliau melibatkan diri dalam dunia modelling dan ratu cantik. Beliau juga merupakan seorang penerbit filem berikutan komitmen beliau selepas perkahwinan telah berubah menjadi seorang ibu dan isteri. Satu senarai soalan telah disediakan untuk ditanyakan kepada tokoh yang merangkumi beberapa bahagian termasuk latar belakang tokoh yang telah dipilih. Nasihat dan pandangan tokoh juga turut ditanyakan dalam soalan tersebut. Diharapkan dengan adanya kajian sejarah lisan ini, ianya dapat memberi inspirasi kepada orang ramai dan juga membantu mereka yang baru berjinak-jinak dalam dunia seni.*

**Kata kunci:** Tokoh, pelakon, penerbit, sejarah lisan, veteran

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnianya serta segala kemudahan yang diberi kepada kami, akhirnya kami dapat juga menyiapkan tugas bagi subjek “Oral Documentation (IMR604)” iaitu Projek Sejarah Lisan dengan jayanya. Dengan kesempatan yang ada ini saya amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Encik Jafalizan bin Md Jali kerana telah memberi peluang kepada kami dan meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk menjayakan tugas yang telah diberikan. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami telah berjaya melaksanakan projek ini dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai dugaan dan cabaran.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato’ Nancie Foo kerana sudi meluangkan masa untuk menjadi peserta kajian bagi kami menyempurnakan projek ini dengan berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang pelakon veteran yang telah lama berkecimpung dalam industri seni Malaysia. Beliau telah menerima pelbagai anugerah dan juga pernah memenangi Anugerah Pelakon Wanita Harapan pada tahun 1981. Kami yakin bahawa segala pengalaman pahit dan manis beliau mampu menjadi inspirasi kepada masyarakat dan juga golongan generasi muda yang ingin menceburkan diri dalam industri seni pada masa akan datang.

Tidak dilupakan juga, ribuan terima kasih kepada keluarga kami yang juga membantu dari segi sokongan kewangan dan sokongan moral yang tidak terhingga dalam menyelesaikan tugas ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dengan memberi peringatan dan berkongsi pendapat serta juga membantu kami ketika sesi temubual dijalankan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan juga secara tidak langsung. Sesungguhnya, kami dengan tulus ikhlas menghargai segala bantuan dan pengorbanan yang telah diterima sepanjang projek ini dijalankan.

Sekian, terima kasih.

## SENARAI ABREVIASI

ASTRO	All-Asia Satellite Television and Radio Operator
DCP	Deputy Commissioner Police
DNF	Dato' Nancie Foo
DOP	Director of photography
DSLR	Digital Single Lens Reflex
DVD	Digital Video Disc
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia
HHN	Hasleeza Hamiddin
IG	Instagram
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MASSCOM	Mass Communication
PFM	Persatuan Penerbit Filem
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SAJ	Sayang Asyira Jamali
TV3	Televisyen 3
TV9	Televisyen 9
V effect	Verfremdungseffekt
YKAT	Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air

## RUJUK KATA

All	Semua
Actually	Sebenarnya
Adjust timing	Menyelaraskan masa
Angle	Sudut
Apply	Mohon
Approval	Kelulusan
Art	Seni
Audition	Ujibakat
Award	Anugerah
Bagitahu	Beritahu
Batting	Bertaruh
Business	Perniagaan
Betting	Pertaruhan
Best	Seronok
Blue screen	Skrin biru
Branding	Penjenamaan
Collect	Kumpul
Channel	Siaran

Characterization	Perwatakan
Co-partner	Rakan kongsi
Cut expenses	Kurangkan perbelanjaan
Dah	Sudah
Dean	Dekan
Declare	Umumkan
Developer	Pemaju
Developement	Pembangunan
Diorang	Mereka
Dulu	Dahulu
Editing	Penyuntingan
Ending	Pengakhiran
Financial crisis	Krisis kewangan
First	Pertama
Gardening	Penanaman
Guest	Jemputan
Glamour	popular
Gitulah	Begitulah
Girlfriend	Teman wanita



Hyphen	Sengkang
I	Saya
In the end	Akhirnya
Intern	Pelatih
Interview	Temuduga
Je / saja	Sahaja
Last	Terakhir
Lepas tu	Selepas itu
Like	Seperti
Link	Hubung
Marketing	Pemasaran
Masatu	Masa itu
Modelling	Peragaan
Member	Kawan
My favorite	Kegemaran saya
Nak	Hendak
Netball	Bola jaring
Ni	ini
No	Tiada

Online	Atas talian
Part time	Separuh masa
Photographer	Jurugambar
Posting	Pertukaran
Postproduction	Pasca pengeluaran
Pre-production	Pra pengeluaran
Production	Pengeluaran
Problem	Masalah
Rating	Penilaian
Rekey	Tinjau
Resize	Kecilkan
Research	Kajian
Research assistant	Pembantu kajian
Retrench staff	Pemberhentian kakitangan
Scene	Babak
Secretarier course	Setiausaha
Sense surround	Rasa sekeliling
Series	Siri
Share	Kongsi

Shooting	Pengambaran
Sorry	Maaf
So	Jadi
Sorang	Seorang
Sikit	Sedikit
Special	Istimewa
Sponsor	Penaja
Submit	Hantar
Support	Sokong
Start	Mula
Tak	Tidak
Takda	Tidak ada
Think	Fikir
Tiap	Setiap
Top five	Lima teratas
Tu	Itu
Transportation	Pengangkutan
Try	Cuba
Under	Di bawah

Viral	Tular
You	Awak
Work permit	Permit kerja

## **INDEKS**

### **A**

Artis 5, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 26, 30, 36, 38, 50, 51

Anugerah 13, 24, 31, 32, 40, 41, 42, 57

Anak 6, 11, 15, 16, 20, 25, 26, 30, 41, 44, 54, 56, 63, 64

### **B**

Bapa 17, 24, 25, 55

### **F**

Filem 11, 13, 15, 21, 22, 23, 26, 27, 28, 32, 34, 35, 36, 37, 38,

39, 40, 41, 42, 47, 49, 50, 51, 54

### **L**

Lakonon 4-54

### **M**

Modelling 19, 20, 21, 25

## **P**

Penerbitan 5, 13, 15, 22, 26, 27, 30, 31, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 42, 48, 49, 51

Peragaan 19

Produksi Seni 2020 13, 15, 30, 35, 50, 57

## **S**

Seni 4-16, 21-27, 30, 31, 35, 39, 40, 41, 50, 57


Shooting 30, 33, 34, 35, 43, 44, 48

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



<b>NAMA</b>	HASLEEZA BINTI HAMIDDIN
<b>ALAMAT</b>	264, PERSIARAN PERMAI 9, TAMAN PERMAI, 35500 BIDOR, PERAK, DARUL RIDZUAN
<b>NO. TELEFON</b>	011-12553565
<b>EMEL</b>	<a href="mailto:hasleeza0388@gmail.com">hasleeza0388@gmail.com</a>
<b>UNIVERSITI</b>	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS PUNCAK PERDANA
<b>PROGRAM</b>	SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD (IM246)
<b>NO. PELAJAR</b>	2020489386
<b>SEMESTER</b>	SEMESTER 5

## 1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



<b>NAMA</b>	SAYANG ASYIRA BINTI JAMALI
<b>ALAMAT</b>	LOT 17 LORONG KENANGA BATU 23 SUNGAI NIBONG 45400 SEKINCHAN SELANGOR
<b>NO. TELEFON</b>	017-2817561
<b>EMEL</b>	<a href="mailto:saasyira@gmail.com">saasyira@gmail.com</a>
<b>UNIVERSITI</b>	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK PERDANA
<b>PROGRAM</b>	SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT(KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD (IM246)
<b>NO.PELAJAR</b>	2020470184
<b>SEMESTER</b>	SEMESTER 5



### 1.3 BIODATA TOKOH



<b>NAMA</b>	FOO THYE SEE
<b>NAMA SAMARAN</b>	DATO' NANCIE FOO
<b>JANTINA</b>	PEREMPUAN
<b>BANGSA</b>	CINA
<b>UMUR</b>	65 TAHUN
<b>TARIKH LAHIR</b>	31 OKTOBER 1958
<b>TEMPAT LAHIR</b>	SABAK BERNAM, SELANGOR
<b>EMEL</b>	<a href="mailto:nan_foo@hotmail.com">nan_foo@hotmail.com</a>
<b>NO.TELEFON</b>	012-3332200
<b>KERJAYA</b>	PELAKON, PENERBIT
<b>BIDANG</b>	LAKONAN DAN PENERBITAN

## 2.0 PENGENALAN

### 2.1 PENDAHULUAN

Sejarah lisan merupakan satu kaedah untuk kenang-kenangan seseorang tokoh secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa, atau peristiwa tersebut. Maklumat yang diperolehi oleh wawancara tersebut kemudiannya disemak dan ditaip dan digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan untuk generasi akan datang. Menurut Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Dalam membuat penyelidikan dan pengkajian sejarah, para sejarawan pasti akan menggunakan sejarah lisan, bukannya hanya merujuk kepada sumber primer ataupun sumber bertulis yang sedia ada sahaja. Sejarah lisan amat berguna untuk kegunaan generasi akan datang dalam mengetahui tentang kisah-kisah bersejarah. Dengan melakukan sejarah lisan, kita dapat mengumpul maklumat yang lebih mendalam tentang seseorang individu yang secara dasarnya banyak memberi sumbangan untuk negara. Oleh hal yang demikian kita boleh melihat betapa pentingnya sejarah lisan dalam bidang sejarah.

Dari segi etimologi, perkataan seni berasal daripada bahasa Sanskrit, Sani. Ia membawa maksud pemujaan, persembahan dan pelayanan yang berkait dengan upacara keagamaan. Seni secara umumnya merupakan ekspresi atau penerapan nilai keterampilan dan imajinasi kreatif yang terdapat dalam diri manusia. ia biasanya berbentuk visual dengan penghasilan karya yang berharga terutamanya oleh kerana keindahan dan kekuatan emosionalnya (Oxford, n.d.). terdapat pelbagai jenis seni yang ada di dunia ini seperti seni muzik, seni rupa, seni tari, seni sastera, dan seni teater. Seni - seni ini mempunyai maksud dan fungsinya yang tersendiri mengikut keinginan manusia itu sendiri.

Dengan berkembangnya kegiatan seni, malaysia tidak ketinggalan dalam penghasilan karya seni daripada pelbagai jenis seni. Di malaysia sendiri terdapat beberapa jenis seni yang dijalankan sejak turun temurun antaranya seni muzik, seni tarian, seni teater, alatan muzik serta kraf tangan. Dalam seni muzik di Malaysia ini sangat unik oleh kerana ia terdiri daripada pelbagai etnik seperti kaum Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak bagi menghasilkan sebuah karya muzik yang unik. Dondang Sayang merupakan antara seni muzik

yang mendapat sambutan sehingga kini. Ia merupakan sebuah nyanyian yang digubah dalam bentuk pantun oleh orang dahulu untuk menyampaikan perasaan kasih mereka. selain itu, terdapat juga Dikir Barat, sebuah seni tradisional yang menggabungkan muzik dan teater secara berkumpulan. Ia mula diperkenalkan sekitar tahun 1930 an oleh Tuan Haji Mat Saleh Bin Haji Ahmad. Dalam kumpulan ini terdiri daripada tukang karut dan awak-awak. Seterusnya, seni tarian tidak kurang hebatnya dimana sehingga kini terdapat beberapa tarian yang masih dipelihara dan dipelajari oleh generasi kini. Sebagai contoh tarian zapin yang sangat terkenal dengan negeri Johor. Ia mula diperkenalkan sekitar abad ke-13 bertujuan untuk mengembangkan amalan zikir serta menyebarkan tamadun Islam. terdapat juga tarian naga yang diamalkan oleh masyarakat Cina dan tarian kathak oleh masyarakat India.

Namun begitu, yang paling ingin ditekankan dalam penulisan ini adalah seni teater atau seni lakonan. Seni ini adalah unik oleh kerana ia menggabungkan beberapa jenis seni lain dalam persembahannya. Teater merupakan tempat bagi persembahan kesenian itu dijalankan dan ia dilakonan secara langsung dihadapan penonton. Menurut Prof. Datin Dr. Rahmah Haji Bujang, teater merupakan sebarang kisah dan cerita yang menuntut pergerakan fizikal dan aksi pelaku yang terdiri daripada pelakon, pemerhati, dan penontonnya. Dalam seni teater ini, wayang kulit merupakan sebuah persembahan bayang tradisional yang terdapat di seluruh Asia Tenggara amnya dan di Malaysia khususnya. ianya terhasil melalui bayang-bayang yang terhasil daripada bentuk boneka kulit melalui cahaya dan seterusnya ditayangkan pada skrin.

Industri hiburan merupakan segmen yang berbilang terdiri daripada filem/pawagam, televisyen, muzik, penerbitan, radio, internet, pengiklanan dan permainan. Menurut kamus dewan bahasa dan pustaka, hiburan merupakan sesuatu yang dapat menghiburkan, menyukakan dan menggembirakan hati. Seni lakonan merupakan salah satu yang terdapat dalam industri hiburan dan merupakan yang terbesar. Seni lakonan ini merupakan hasil gabungan pelbagai bentuk seni yang terdiri daripada seni sastera, seni suara, seni gerak, seni lukis, seni adunan cahaya dan banyak lagi. Dalam menghasilkan sebuah filem, seni fotografi dan teknik rakaman yang betul sangat perlu dititik beratkan (Siti Rugayah, 2019).

Skop kajian adalah berkaitan dengan artis veteran ataupun dikenali sebagai seniman. Perkataan veteran membawa maksud seseorang yang mempunyai banyak pengalaman dalam

sesuatu bidang menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat. Oleh itu, artis veteran merupakan seorang seniman yang berpengalaman dalam bidang hiburan sama ada sebagai seorang pelakon, pelawak, penerbit, pengarah, penyanyi dan lain-lain. Tokoh-tokoh yang dipilih ini merupakan seseorang yang maklumat berkaitan beliau masih belum banyak terkumpul yang menyebabkan masih ramai tidak mengetahui tentang mereka. Oleh itu, dengan melaksanakan sejarah lisan berkaitan dengan tokoh artis veteran ini, ianya dapat membantu kisah-kisah kegemilangan mereka dikumpul dan direkodkan untuk rujukan awam. Hal ini sekaligus dapat menjadikan mereka terasa dihargai dan terus diingati dalam industri hiburan walaupun zaman telah beredar.

## 2.1 PENDAHULUAN

Terdapat beberapa kepentingan yang dapat dikenalpasti dalam menjalankan kajian ini iaitu kajian mengenai biografi tokoh artis veteran. Antara kepentingan dalam menjalankan kajian ini adalah untuk menambah pengetahuan tentang kehidupan dan juga pencapaian artis veteran dalam dunia seni Malaysia suatu ketika dahulu dalam kalangan generasi muda kini. Generasi muda kini perlu didedahkan dengan sejarah artis-artis veteran dahulu yang jauh lebih berseni dan berkualiti dalam dunia hiburan dibandingkan dengan artis muda kini yang bakatnya dinilai bukan berdasarkan kualiti tetapi dinilai berdasarkan populariti.

Selain itu, kepentingan yang kedua adalah untuk memelihara seni dan bakat artis veteran daripada pupus di telan zaman. Bakat yang mereka miliki amat berharga kerana semuanya bermula daripada satu azam yang tinggi dan kuat untuk menceburkan diri dalam dunia seni hiburan. Dunia seni hiburan Malaysia pada zaman dahulu tidak sama dengan seni hiburan kini yang jauh lebih maju. Oleh itu, bakat dan sumbangan mereka dalam industri seni dan hiburan Malaysia hendaklah dipelihara sebagai rujukan pada masa akan datang.

Kepentingan yang ketiga adalah untuk mewujudkan lebih banyak rujukan tentang artis veteran pada masa akan datang. Seperti yang kita dapat lihat, kajian dan penyelidikan tentang biografi dan pencapaian seorang artis veteran amat jarang dilakukan. Hal ini mungkin mereka dapati tidak begitu penting, tetapi ianya amat penting dalam sejarah negara Malaysia untuk

didokumentasikan di bawah seni hiburan Malaysia. Rujukan-rujukan yang boleh diwujudkan adalah seperti buku dan jurnal.

### 2.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan permasalahan yang timbul dimana antara masalahnya adalah kisah tentang artis veteran dilupakan sedikit demi sedikit oleh masyarakat. Segelintir masyarakat terutama golongan muda yang tiada pengetahuan mengenai artis veteran akan lebih memilih untuk menyanjung artis luar yang bagi mereka jauh lebih menarik dan penting untuk dikenang. Hal ini perlu diatasi dengan mendedahkan lebih banyak maklumat tentang pencapaian dan sumbangan artis veteran yang jauh lebih berpendidikan dan memberi motivasi kepada peminat. Kebanyakan artis veteran memulakan karier mereka seawal usia 17 tahun dan melalui pelbagai cabaran untuk sampai ke tahap yang tinggi atau terkenal. Oleh itu, kisah hidup mereka tidak boleh dilupakan begitu sahaja kerana banyak pengajaran yang boleh diambil berdasarkan kisah mereka.

Seterusnya, masalah seperti tiada bahan rujukan yang cukup tentang artis veteran juga akan timbul sekiranya tiada kajian dan penyelidikan dilakukan tentang mereka. Daripada bahan rujukan, kita dapat mengetahui tentang artis veteran kerana sebahagian daripada mereka ada yang telah meninggal dunia dan bahan-bahan rujukan ini boleh menceritakan kembali tentang perjalanan hidup seorang tokoh artis veteran ini.

Selain itu, kesan yang akan timbul juga adalah dunia seni tidak lagi dinilai berdasarkan kualiti malah berdasarkan populariti. Hal ini dapat dilihat seperti yang berlaku pada masa kini dimana kebanyakan artis muda yang baru menceburkan diri dalam industri hiburan Malaysia tidak mempunyai bakat yang profesional. Pihak produksi mengambil mereka hanya untuk mengaut keuntungan daripada populariti mereka. Pihak artis veteran juga ada yang berasa terkilan dengan industri seni dan hiburan Malaysia kini yang telah banyak berubah dibandingkan dengan zaman dahulu.

#### 2.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengenali secara lebih dekat kehidupan tokoh supaya dapat dijadikan inspirasi bagi generasi kini.

- a) Untuk mengenali tokoh dengan lebih mendalam.
- b) Untuk mengetahui pengalaman tokoh dalam hidupnya dan dalam bidangnya dengan lebih mendalam.
- c) Untuk mengetahui secara mendalam tentang kepakaran tokoh.

#### 2.5 PERSOALAN KAJIAN

Penyelidik akan mengkaji berdasar tajuk kebudayaan tempatan bagi mengenal pasti sejarah, latar belakang dan nilai yang ada pada seseorang tokoh bagi menghargai setiap usaha mereka dalam bidang kesenian. Antara persoalan yang dirangka adalah:

- a) Apakah latar belakang tokoh
- b) Apakah pengalaman dalam hidupnya dan bidang kerjayanya
- c) Apakah kepakaran tokoh

## 2.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian dijalankan adalah untuk memberi maklumat berkenaan dengan tokoh artis veteran tersebut serta bagi dijadikan bahan bacaan serta rujukan buat generasi akan datang dalam memenuhi kajian mereka yang berkaitan. Kajian yang dijalankan ini juga dapat memberikan maklumat yang lengkap tentang biografi tokoh tersebut, pengalaman yang dilaluinya sepanjang bergelar artis veteran dan juga sebab – sebab mengapa kurangnya sambutan terhadap artis veteran pada masa ini.

Dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan masyarakat terutamanya generasi akan datang dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan serta dapat menimba ilmu baharu terhadap pengalaman daripada tokoh tersebut. Hal ini dapat menjimatkan masa mereka oleh kerana masyarakat tidak perlu lagi untuk mencari maklumat di semua platform media oleh kerana kajian ini lengkap dengan informasi yang diperlukan terhadap tokoh tersebut. Tambahan pula, maklumat yang diperolehi ini tidak hanya diambil daripada internet, ia turut diperolehi hasil daripada proses temubual yang didokumentasikan seperti pengalaman yang diperolehi oleh tokoh terbabit.

Oleh itu, diharapkan masyarakat dapat lebih menghargai kajian ini berdasarkan pendedahan dan maklumat yang lebih lengkap jika dibandingkan daripada carian di internet.

### **3.0 TINJAUAN LITERATUR**

#### **3.1 Pendahuluan**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, seni merupakan karya yang diciptakan dengan bakat seperti sajak, lukisan dan juga muzik. Terdapat beberapa jenis seni dalam kehidupan kita, seperti seni rupa, seni muzik, seni gerak, seni teater atau pertunjukkan dan seni sastera. Seni jika dilihat mempunyai makna yang sangat mendalam dan luas. Perkembangan global telah menunjukkan bahawa industri kreatif antara sumber penyumbang terbesar dalam ekonomi sesebuah negara. Industri kreatif merupakan industri yang melibatkan kreativiti seseorang dari segi keterampilan mahupun bakatnya ( Dasar Industri Kreatif Negara, 2020). Secara umumnya, industri kreatif terdiri daripada beberapa beberapa skop seperti industri kreatif multimedia, industri kreatif seni budaya, dan industri kreatif warisan budaya.

#### **3.2 Senario Seni**

Perkembangan seni yang semakin pesat menjadi penyebab kepada begitu banyak karya yang dihasilkan oleh para penggiat seni. Tidak ketinggalan di Malaysia sendiri, aktiviti seni ini semakin mendapat tempat dalam masyarakat tidak kira usia dan latar belakang sejak dari dahulu lagi. Pada sekitar hujung tahun 2002, dunia seni dilihat semakin terbuka dan banyak menyentuh isu sensitif jika dibandingkan pada awal tahun 2002. Hal ini disebabkan oleh faktor politik yang membawa kepada gaya karya yang dipilih (Walid Ali, 2018). Pada akhir-akhir ini, aktiviti seni semakin rancak melalui platform media sosial oleh kerana keterbukaan ruang yang memanggil pengkarya seni untuk mencuba sesuatu yang baharu. Pelbagai aktiviti kesenian dijalankan secara atas talian berbanding dengan sebelum ini yang hanya berpaksikan kepada program televisyen dan radio semata-mata. Dengan pengenalan kepada media sosial ini, banyak pengkarya seni beralih arah sebagai contoh, terdapat sesi pementasan dan perkongsian bakat dalam projek seni yang dianjurkan oleh Facebook Maaysian Theatre Association (MATA). Dengan perkembangan seni yang sihat ini, ia dilihat memberi ruang yang luas buat pengkarya seterusnya tidak dibiarkan sepi begitu sahaja.



### 3.3 Kepentingan Biografi Tokoh

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, tokoh merupakan seseorang kenamaan yang terkemuka dalam bidang yang diceburinya. Manakala tokoh yang dipilih dalam kajian ini merupakan seorang artis veteran yang mempunyai banyak pengalaman dalam penghasilan karya seni. Artis merupakan seorang penggiat seni yang dapat menghiburkan penonton melalui karya seninya seperti lakonan, nyanyian dan sebagainya. Dalam sebuah keratan akhbar online HMetro yang bertajuk Sokonglah Juga Artis Veteran! (2022), penulis menyuarakan tentang usaha yang perlu diambil dalam mengangkat serta membela nasib artis-artis veteran ini demi kelangsungan hidup mereka. Ridzuan Abdul Rahman (2022) melihat hanya artis era terkini sahaja yang diangkat tidak pula artis era 60an dan 70an yang semakin ditinggal dan mungkin dilupakan. Penyediaan biografi tokoh amat penting bagi memastikan segala informasi berkaitan tokoh adalah tepat dan benar. Penyelidikan menerusi pelbagai jenis dokumen, buku, artikel, kertas kerja, majalah, paka dan waris tokoh amat diperlukan bagi memastikan segala fakta sejarah berkaitan seseorang tokoh itu tidak meragukan dan mendapat fakta yang sahih (Prof. Madya. Adnan Jusoh, 2022). Dalam artikel yang diterbitkan oleh Berita Harian Online ini jelas menerangkan bahawa pendokumentasian bioragrafi tokoh amat penting terutamanya berkaitan dengan sejarah negara oleh kerana ia dilihat menjadi rujukan penting dalam pembikinan filem. Pendokumentasian biografi tokoh sememangnya amat diperlukan sebagai bahan rujukan kepada sesuatu kajian seterusnya oleh generasi yang terkini. Dengan Kaedah pendokumentasian ini, ia memberikan data yang bersifat autentik dimana setiap maklumat yang diberikan adalah benar dan asal daripada tokoh tersebut mahupun warisnya. Dokumen yang dijadikan bahan rujukan ini semestinya perlu mempunyai maklumat yang lengkap dan tepat bagi memastikan setiap karya yang ingin diterbitkan adalah sahih sebagaimana dengan rujukannya.

## **4.0 METODOLOGI**

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah sejarah lisan. Sejarah lisan merupakan satu kaedah untuk kenang-kenangan seseorang tokoh secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa, atau peristiwa tersebut. Temubual dijalankan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat tentang biografi dan pencapaian beliau sepanjang bergelar seorang seniman.

Metodologi yang kedua adalah melalui dokumentasi. Dokumentasi adalah himpunan maklumat yang dikumpul menjadi satu bahan rujukan. Selain dari bahan rujukan, dokumentasi juga menjadi bahan bukti sesuatu penyelidikan telah dilakukan. Dengan adanya dokumentasi, segala maklumat yang didapati ketika temubual akan dihimpunkan dan menjadi rujukan untuk mereka yang memerlukannya.

### **4.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Dalam penyelidikan ini menggunakan kaedah sejarah lisan. Sejarah lisan merupakan satu kaedah dalam merakam wawancara seseorang tokoh. Tokoh – tokoh tersebut biasanya merupakan seseorang yang mempunyai sumbangan dan dapat memberikan maklumat yang baik sepanjang temubual dijalankan. Kaedah ini juga merupakan aktiviti mengumpul, memelihara dan mentafsir suara tokoh terhadap peristiwa masa lalu.

### **4.2. PESERTA KAJIAN**

Tokoh ini dipilih berdasarkan pengalamannya yang luas berkenaan dengan bidang yang diceburinya. Ia mengambil kira berapa lama dia di dalam industri seni tanah air dan kegiatannya sepanjang bergelar artis ataupun seniwati.

Beliau merupakan Dato' Nancie Foo artis kelahiran Sabak Bernam, Selangor. Beliau adalah seorang penyanyi, pelakon dan penerbit TV di Malaysia. Pada tahun 1979, beliau pernah bergelar Ratu Cantik Malaysia dan memulakan karyanya dalam drama terbitan RTM dan pada tahun yang sama membintangi filem berjudul Bintang Pujaan. Beliau dianugerahkan anugerah Pendatang Baharu semasa Perayaan Filem Merak Kayangan pada tahun 1981.

Oleh kerana kefasihannya dalam beberapa Bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Mandarin, beliau banyak membintangi filem dan drama sepanjang hayatnya dan kini beliau telah menjalankan sebuah perniagaan penerbitan bersama rakan kongsinya Wendy Wong sejak tahun 1997, di bawah produksi Seni 2020.

#### 4.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Dalam proses mendapatkan maklumat, penyelidik menggunakan kaedah temubual terhadap tokoh tersebut. Sepanjang prosedur pengumpulan data dijalankan, ia menggunakan platform secara bersemuka bagi memudahkan aktiviti mengumpul maklumat.

Prosedur yang pertama dalam pendokumentasian sejarah lisan merupakan pemilihan tema. ia merupakan prosedur yang penting sebelum langkah seterusnya dapat dilaksanakan. Hal ini demikian kerana bagi membolehkan penyelidik mengenalpasti tajuk yang ingin dikaji dalam penyelidikannya. oleh itu, dalam penyelidikan ini, penyelidik memilih tema kearifan tempatan bagi mengkaji mengenai artis veteran berdasarkan latar belakang, pengalaman dan kepakarannya dalam bidang seni lakonan dan penerbitan.

Seterusnya, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian sebagai prosedur pengumpulan data. Hal ini demikian kerana, penyelidik perlu memastikan data yang diperoleh adalah benar dan sahih sebelum melangkah ke prosedur yang seterusnya. Data dan maklumat ini diperoleh berdasarkan pemerhatian di dalam internet dan sosial media

tokoh yang terlibat. pencarian maklumat ini sememangnya sangat penting sebelum aktiviti temubual dijalankan bagi memberi gambaran awal kepada penyelidik berkenaan dengan tokoh yang dikaji. selain itu juga ia adalah sebagai maklumat tambahan buat pengkaji dalam membina soalan yang bakal diajukan kepada tokoh tersebut.

Disamping itu, prosedur yang lain pula adalah melalui pemerolehan data secara primer. Dimana ia merupakan kaedah temubual yang dijalankan terhadap tokoh yang dipilih. Dengan adanya kaedah ini, ia membolehkan penyelidik mendapat data atau maklumat secara langsung berkaitan dengan soalan yang diajukan terutamanya berkenaan dengan tokoh tersebut yang mungkin tidak pernah diketahui oleh orang lain. Melalui kaedah ini, kemungkinan besar data dan maklumat baharu yang belum diperolehi dari mana-mana pihak dapat dikongsikan oleh tokoh tersebut. Dalam kaedah ini, ia menggunakan ciri temubual secara bersemuka dengan mengajukan soalan-soalan yang berkaitan. Justeru itu, ia merupakan teknik yang berkesan dalam pengumpulan data dan maklumat berkaitan tokoh oleh kerana penyelidik dapat bertanyakan secara terus.

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

**Pembukaan:** Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman seorang tokoh dalam bidang lakonan dan penerbitan. Bersama-sama kami ialah Dato' Nancie Foo yang merupakan seorang artis veteran yang juga seorang penerbit di Syarikat Produksi Seni 2020. Rakaman ini dijalankan pada 6 Januari 2023 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 10.31 pagi bertempat di Hotel Ascott, Kuala Lumpur. Temubual ini dikendalikan oleh Hasleeza Binti Hamiddin dan juga Sayang Asyira Binti Jamali. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**HHN:** Boleh kita mula?

DNF: Boleh

**HHN:** Okey, soalan pertama, boleh Dato' ceritakan aaa mengenai latar belakang Dato'?

DNF: Boleh, hm, latar belakang ya, okey, aaa kita apa keluarga aaa terdiri daripada keluarga yang kecil, dan ada satu adik lelaki dan satu kakak. Dan hmm ayah Dato' actually [sebenarnya] dia seorang pegawai polis, dari hm dulu semasa dia berkerja sebagai seorang polis dan mak adalah seorang apa, suri—rumah tangga. Jadi kehidupan kami selalunya ikut bila ayah apa dia ada posting kan ke balai polis dari satu tempat ke satu tempat di seluruh Malaysia. Jadi dari situlah saya selalu berjiran dengan kawan-kawan, sebelah rumah kan, dari situ saya dapat apa menguasai Bahasa Malaysia dan saya belajar budaya kawan-kawan, faham lah kan, anak-anak polis semua kan diorang [mereka] jadi senang kita bergaul. Jadi hmm memang mak, mak sendiri pun selalu apa, campur dengan jiran kan, jadi dia pun belajar masakan pun daripada jiran-jiran. Semua

kuih-kuih ataupun masakan melayu kan kita belajar daripada situ. Jadi bermulalah kita punya keluarga seisi keluarga pun memang apa orang kata boleh lah fasih aaa Bahasa dan juga gemar makan makanan melayu, kari-kari lah, sambal lah ini semua. Dan (menarik nafas) saya punya apa ni aaa kakak juga adik aaa semua dah kahwin lah, ya, selepas kahwin kami tidak tinggal dalam satu rumah. Itulah sedikit latar belakang keluarga Dato' hmm.

**HHN: Okey aaa boleh dato' ceritakan pula tak latar belakang Dato' sendiri? Dari segi nama penuh, umur dan sebagainya lah.**

DNF: Ohh (terkejut sambil ketawa) umur? Umur tu kalau tinggalkan boleh ke? (ketawa) boleh kan. Okey saya dalam apa ni keluarga sendiri mempunyai tiga anak perempuan ya, dan suami Wong Kang Yeow, dia seorang apa *developer* [pemaju] dipanggil apa ya *developer* dalam Bahasa Malaysia hmm *development* [pembangunan] buat apa? \ perumahan *developer* lah kan. Okey bukan *business* [perniagaan], *production* [pengeluaran] ataupun dari seni ya. Dan anak-anak dato' sendiri pun walaupun mereka belajar dalam *masscom* [komunikasi massa] dan apa dia bidang-bidang apa ni *art* [seni] kan, tapi mereka tidak berminat dalam bidang ini. Dan mereka masih mempunyai apa tu kesukaan yang berlainan ya, dan anak-anak yang tiga perempuan ni yang dua [kedua] belajar-- yang-yang apa bongsu masih belajar di Melbourne, dan yang kedua telah bekerja sebagai peguam di Melbourne. Hanya tinggal sekarang yang sulung yang tinggal dengan Dato' hm. Jadi kita punya keluarga pun kecil lah hm.

**HHN: Okey, hmm boleh saya tahu nama penuh Dato', nama sebenar?**

DNF: Nama sebenar IC [kad pengenalan] hahaha (ketawa). (menarik nafas) nama penuh kalau ikut IC is a- [ialah] Foo Thye See lah tapi biasa bila kita dah menceburi dalam dunia apa ni seni atau pun lakonan kan, biasa kita ada aaa nama *glamour* [terkenal]

okey so [jadi] semasa di sekolah pun sekolah menengah masa (Tarik nafas) masa itu pun kita memang bila kita tengok kita punya nama asli atau pun asal tak glamour kan, sebab bapak masa tu tak tau kenapa dia pilih nama gitu, (Tarik nafas) *so* masa sekolah menengah pun saya sendiri dah cari nama yang glamour. So banyaklah nama-nama yang glamour (Tarik nafas) Rebecca lah, (HHN batuk), Dato' Nancie (gurau) lah, Rebecca Foo, tak tahu yang mana tak jadi kan, jadi in the end [akhirnya] I letakkan Nancie Foo sahaja. Aaa jadi dari mula lagi ya lakonan saya gunakan nama kira nama glamour lah Nancie Foo.

**HHN: Dato' dilahirkan di negeri mana ye?**

DNF: Dilahirkan di?

**HHN: Negeri mana.**

DNF: Hm, Saya dilahirkan di aaa Sabak Bernam Selangor ya, semasa tu ayah dia kerja lah di balai polis Sabak Bernam. Masa tu posting [pertukaran] kat Sabak Bernam.

**HHN: Apa hobi dan cita-cita Dato'?**

DNF: aaa hobi? Hobi dulu ke hobi sekarang? Ahh (ketawa)

**HHN: Boleh je Dato' nak ceritakan.**

DNF: Hobi dulu ya hobi dulu- masa zaman kita ya aaa zaman berapa ya, (Tarik nafas) zaman aaa tujuh puluhan [70an] ya, zaman dulu dia lain dia punya hobi, diorang suka collect [kumpul] setem lah, aaa pop song lah, aaa yang ikut aaa masa kita aaa pelajari di sekolah, jadi berbeza. Jadi bila dah kerja tu hobi lain pulak, tengok wayang lah, (Tarik nafas) fesyen lah, muzik lah pop dengar aaa apa ni aaa berlainan, jadi sekarang pula, hobi dah tukar pula ya, jadi kita ada fasa, so sekarang punya hobi aaa masa dah kahwin tu dah suka masak lah, suka nak *try* [cuba] resipi lah, ni kan, so lepas tu aaa zaman covid pula lain, hobi so dah jadi apa aaa apa dorang ada share [kongsi] *gardening* [penanaman] macam mana you [awak] boleh tanam pokok-pokok dalam rumah betul tak? Dekat balkoni—masa covid tak boleh keluar kan, jadi I [saya] pun ikut ya hobi tanaman. Lepas tu aaa memasak ya masa covid, kita kan banyak resipi kita dok tengok orang *viral* [tular] kan (Tarik nafas), cuba resipi ni, cuba resipi tu, jadi hobi pun tukar, memasak tapi memang dulu I suka cuba resipi selalu cuba resipi dan I suka memang minat memasaklah ya. Jadi sekarang yang tetap hobi adalah saya suka aaa hobi sebagai main golf, ya, main golf, (Tarik nafas) Dato' selalu main golf aaa tiap hari sabtu aaa dengan member-member [kawan-kawan] lah main golf. Lepas tu aaa kalau boleh aaa suka cari-cari makan jalan cari makan hmm suka makan ya sebab masak suka makan kan, apa-apa jenis makanan tak kisah aaa masakan apa cina, masakan melayu, india, atau pun Korean ataupun jepun, atau apa-apa asalkan sedap hmm ya lepas tu aaa hobi wayang memang aaa wayang sebab aaa bidang saya pun memang dalam perfileman kan, aaa filem tempatan dan juga filem dari luar negeri, Hollywood, jadi memang suka tengok wayang kalau ada filem blockbuster yang besar-besar, jadi saya memang selalu ya nak pergi ke pawagam untuk menonton filem aaa yang big budget filem. Sebab dari situ baru kita dapat aaa merasa nikmat dia punya aaa apa tu kualiti yang filem itu ya, dari segi *sense surround* [rasa sekeliling], daripada dia punya sinematografi eaaa, jadi itulah antara hobi dan kerjaya saya gabungkan hmm.

**HHN: Boleh Dato' ceritakan pekerjaan Dato' sebelum ini sehingga sekarang?**

DNF: hm



**HHN: Dari habis je sekolah macamtu, apa yang Dato' buat.**

DNF: Dari mula ya.

**HHN: Ya Dato'**

DNF: Lepas sekolah, memang ada cubalah kan bidang modelling [peragaan] ya, bidang apa ya, masuk ratu cantik semualah yang part time-part time modelling, pastu ada cuba jadi apa, secretarier course [setiausaha]kan, untuk sebagai personal assistant [pembantu peribadi], pastu marketing [pemasaran], jadi itulah antara pekerjaan yang Dato' cuba selepas sekolah. Lepastu, saya rasa saya punya minat tu memang tumpu kepada bidang lakonan dan juga modelling lah, sambilan masa tu. Jadi dari situ saya dapat tahu kan saya kearah apa, arah lakonan sebab saya dari situ jadikan bidang lakonan tu sebagai kerjaya.

**HHN: Boleh Dato' kongsi kan perjalanan pendidikan Dato'?**

DNF: aha (mengangguk)

**HHN: Daripada sekolah rendah sehinggalah sekarang.**

DNF: Okey saya sekolah rendah di sekolah rendah jenis kebangsaan Gombak [Selangor]. Tahu tak Gombak? Tahu kan? Gombak, pastu sekolah menengah di Sekolah Menengah Air Panas, Setapak [Kuala Lumpur]. Okey dari situ lepas sekolah

menengah, saya masuk ke Stamford College. Stamford College, Kuala Lumpur ya. Lepastu, lepas Stamford College, saya terus kerja sebagai secretarier of business [setiausaha perniagaan] lah ya, dan seterusnya tu bekerja sambilan, part time modelling benda lah semua sekali. Jadi dari situ tak sempatlah juga nak ambil kursus apa lakonan ke, kursus, kursus modelling adalah sebab kan ada kelas-kelas modelling tu ada, tapi tak sempat nak ambil kursus lakonan sebab masa tu, memang sukar ada kelas-kelas ataupun akademi lakonan masatu. Jadi, itu sajarah yang college-college sampai situ, ya.

**HHN: Okey tadi Dato' ada cerita mengenai anak-anak Dato' kan? Jadi boleh saya tahu nama mereka dan umur mereka?**

DNF: Okey anak yang sulung nama dia Wong Ai-Dee, W-O-N-G, Wong, A-I pastu hyphen [sengkang] D-E-E, Wong Ai-Dee, dia umur tiga puluh [30 tahun], yang kedua, Wong Ai-Vee, V-E-E, ya V-E-E, dia umur dua puluh lapan [28 tahun], baru semalam birthday [hari lahir] dia, pergi celebrate [sambut] birthday dia semalam, dan yang bongsu Wong Ai-Lee, L-E-E, Wong Ai-Lee, dia dua puluh dua [22 tahun] kot, saya pun dah tak ingat (ketawa) diorang punya umur. So, anak-anak kalau you [awak] tengok dia punya nama, Dee, Vee, Lee, tengok tak? Semua ejaan dia special, Ai-Dee, Ai-Vee, Ai-Lee, dekat-dekat samalah nama tu. Saja saya pilih nama tu, so diorang kata dekat-dekat sangatlah, kadang-kadang bila marah pun saya tersasul panggil Ai-Dee, Ai-Vee (ketawa), Dee Vee Lee—

**SAJ: Okey, pada umur berapakah Dato' mula ceburkan diri dalam bidang lakonan?**

DNF: Dalam lakonan ya. Lepas form five [tingkatan lima], lepas tu kolej, *I think* [saya rasa] dalam lapan belas [18 tahun] ke Sembilan belas [19 tahun] kot ya, dalam tu, sama masa lakonan dan juga bidang modelling ya, serentak sekali.

**SAJ: Okey siapakah—**

DNF: Sebab dari segi modelling tu saya *start* [mula] dengan macam buat iklan, ataupun komersial iklan, ataupun fotografi, model gitulah, ataupun untuk majalah-majalah, pakaian-pakaian semua bendalah. Tu part time, lepastu baru terus ke apani, sambilan lakonan dalam bidang lakonan.

**SAJ: Okey siapakah yang membawa Dato' ke dalam dunia seni?**

DNF: Dunia seni, yang betul-betul membimbing dan membawa Dato' ke bidang seni lakonan adalah arwah ya, Helan Abong, dia seorang penerbit drama dari Radio Televisyen Malaysia [RTM], RTM lah dulu ya, seorang penerbit dan juga seorang pengarah ya, yang memang popular [terkenal] yang berkaliber dulu. Dia yang mula-mula bagi peluang kepada Dato' untuk lakonan pertama ataupun watak pertama dimana saya memegang watak seorang penagih dadah dalam drama minggu ini, tajuk drama itu ialah Tepuk Air di Dulang, ya Tepuk Air di Dulang, dan macam mana saya dapat watak itu, saya memang dah cuba lama ya untuk apa memang saya minat untuk berlakon, jadi saya menulis surat kepada pihak RTM bahagian drama untuk minta audition [uji bakat]. Bayangkan kan bukan senang masatu tak kenal, tak kenal orang, tak kenal pengarah, ataupun penerbit, jadi saya hantar surat, masa itu takda [tidak ada] telefon, takda ni ni semua lagi, *online* [atas talian] ke takda, you kena tulis surat, hantar pastu tunggu-tunggu takda jawapan. Hantar kali kedua pastu baru apa ni dapat panggilan, dia suruh datang untuk audition, audition tu pun senang, dia bagi skrip suruh baca, berapa apa ni dialog-dialog ya, pastu dari situ, dalam dua tiga hari, baru terima panggilan daripada [perkataan tidak dapat dikenalpasti], okey dia serahkan watak tu, itulah filem, *sorry* [maaf], drama lakonan Dato' yang *first* [pertama].

**SAJ: Pada tahun bila Dato' mula menceburkan diri-**

DNF: Apa dia?

**SAJ: Pada tahun bila dato' mula menceburkan diri dalam bidang lakonan? Tahun bila.**

DNF: Tahun berapa ya? (ketawa) tak ingat, saya rasa 1978 kot yang first, yang drama lah, drama minggu ini, dah start berlakon dalam tahun 1978.

**SAJ: Apakah yang membuatkan Dato' tertarik dengan industri seni?**

DNF: Industri?

**SAJ: Seni.**

DNF: Haa? Seni ya? Memang dari lepas sekolah tu memang saya minat lah, saya selalu tengok drama-drama, drama minggu ini, masa tu televisyen hanya dua *channel* [siaran] sahaja, TV1 dengan TV2, takda lain, so nak taknak itulah satu hiburan yang kami semua rakyat Malaysia ya kena tumpukan untuk program tv, jadi dan masa tu, RTM pun banyak menerbitkan drama-drama tempatan ya, jadi kita tak banyak lah filem yang di import ya, jadi you terpaksa tengok drama-drama terbitan tempatan. Jadi saya, saya masatu saya tengok satu program ya, kalau tak silap tajuk tu 'Tiga Dara', ya masa penerbitan RTM, dan saya minat apa dia punya jalan cerita dan juga pelakon-pelakon yang membawa watak-watak dalam drama series [siri] itu. Jadi, saya sendiri apa memang impian lah nak jadi salah seorang pelakon dalam drama series tu, jadi dari situ saya apa tidak ketinggalan setiap malam mesti ikut dia punya drama tu, jadi dari

situlah saya punya minat tu apa orang kata memang nak cuba lah supaya untuk menceburkan diri dalam seni lakonan.

**HHN: Okey Dato', siapa yang menjadi idola Dato' dalam industri seni ini?**

DNF: siapa?

**HHN: Idola dari segi lakonan.**

DNF: Tempatan eaa?

**HHN: Boleh je dua-dua.**

DNF: Tempatan ya. Saya rasa idola yang saya betul-betul minat masa itu ialah Dato' Sarimah Ahmad. Kenal tak? You all tak kenal? Haaa Google, you google, Sarimah Ahmad ni dia seorang pelakon veteran, Dato' Sarimah Ahmad, veteran, dan dia banyak berlakon dalam filem-filem melayu ya, antara filem yang dia berlakon dengan Tan Sri P. Ramlee kalau you google. Masa tu you bayangkan ya kita tengok filem pun filem-filem yang apa ni Tan Sri P. Ramlee, filem hitam putih, jadi saya memang minat filem melayu. Saya tengok banyak filem melayu, jadi sebab saya sendiri pun nak minat nak jadi pelakon kan, jadi saya tengok apa ni Sarimah ni memang dia cantik, dia punya perwatakan tu, dia berlakon dengan apa ni Tan Sri P. Ramlee, memang saya suka dia punya apa ni lakonan, dan kejelitaan dia, dan sorang [seorang] lagi ya, bukan sahaja apa ni Sarimah Ahmad, sorang lagi ialah Saloma. You kenal Saloma? Puan Sri, Puan Sri Saloma kan, walau dia bukan pelakon, tapi saya minat dia dalam segi nyanyian ya sebab walaupun dia tak berlakon dalam filem Tan Sri P. Ramlee, kan sebagai penyanyi dan masa lima puluhan ke enam puluhan yang dia punya gaya fesyen semua tu

memang saya minat, glamour, masa dululah orang cakap. Itulah dua-dua [kedua-dua] idola Dato'.

**HHN: Okey apa reaksi keluarga Dato' bila Dato' sendiri nak ceburkan diri dalam industri seni?**

DNF: Macam mana?

**HHN: Reaksi mereka, perasaan mereka.**

DNF: haaa?

**HHN: Maksudnya –**

DNF: Tak faham (Ketawa)

**HHN: Okey apa reaksi mereka bila Dato' nak ceburkan diri dalam industri seni, maksudnya Dato' nak jadi pelakon, apa yang mereka—**

DNF: Maksud, maksud, reaksi bapa—

**HHN: Ibu bapa.**

DNF: Mak kan? Reaksi macam mana maksud dia? Tak, masa tu bila saya bagitahu [beritahu] mak atau pun ayah kan, saya kata, tapi masa audition saya tak bagitahu lah kan (ketawa), I tulis surat pun tak bagitahu kan, diam-diam je I tulis, tapi bila dah terima apa ni, tawaran berlakon tu, okey terpaksa kena bagitahu mak dengan bapa lah, kata saya ada apa ni dapat tawaran untuk berlakon, tapi pada masa yang sama, saya ada apa ni buat modelling-modelling tu kan, jadi mereka tahu lah memang Dato' sendiri pun ada minat dalam sedikit dalam lakonan kot, jadi bila saya bagitahu ayah support [sokong] sekali, memang support sekali, mak pun dia ada apa, tak melarang ya, tidak melarang, mak kata "okey", tapi yang support tu ayah. Ada sekali Dato' ada, ada jadual untuk lakonan kan, nak pergi set penggambaran dekat RTM, masa tu saya tak dapat apa orang kata tak tak dia punya transportation [pengangkutan] tu lah kan, ada masalah sikit [sedikit], jadi ayah yang hantar. Jadi dari situ dapat bayangkan memang ayah pun ada support lah kan, dia tak pantang, dia hantar juga, sampai dekat RTM. Jadi mereka tiada bantahan dan mereka bagi [beri] bagi sokongan, mereka support.

**HHN: Adakah ada antara ahli keluarga Dato' yang menceburkan diri dalam industri seni?**

DNF: Tidak, takda, keluarga sendiri takda, dengan anak-anak pun takda, cuma dari segi lakonan tu ada semasa bila Dato' menerbitkan rancangan pendidikan, masa tu saya ada bagi apa minta anak-anak tolong lah, tiga anak ni untuk berlakon sebagai murid-murid dalam drama series apa ni, pendidikan tu.

**HHN: Okey—**

DNF: Terpaksa la tu yang macam kira minta tolong sebab tak dapat cari pelakon kanak-kanak kan, jadi gunakan anak-anak sendiri (ketawa), itu pun secara paksa.

**HHN: Okey, adakah anak-anak Dato' berminat dalam industri seni ini?**

DNF: Yang berminat saya rasa yang anak yang bongsu, ya, dia minat pun tapi dalam segi belakang tabir ya, I rasa bukan depan lah, bukan depan kamera, tapi dia memang minat dari segi I tengok dalam *editing* [penyuntingan] ya, suntingan, dia memang suka dan dia ada, ada apa yang pakar dalam merakamkan fotografi, ya, memang dia ambik shot [sudut] shot tu memang cantik. Dia memang berpengalaman dari segi dari segi video, ya jadi masa kita bercuti, masa ni kan, dia la jadi tukang (ketawa) photographer [jurugambar], “ehh Lee, ambil gambar ni kat sini”, *angle-angle* [sudut] memang cantik lah *angle* dia, lain dari kita punya ambil, dia punya cara angle kan, jadi dia punya cara, walaupun dekat luar negeri pun kan, ada orang jalan tu kan, panggil dia, “*can you take for me Eiffel Tower* [boleh ambilkan saya Menara Eiffel]” kan, jadi itu I nampak dia punya bakat dari situ lah ya, penerbitan dari segi penyuntingan dan juga mungkin dia suka pengarahannya.

**HHN: Sekiranya mereka berminat, adakah Dato' menyokong?**

DNF: Ya, memang saya support kalau mereka, saya memang harap-harap mereka minat dalam apa ni perfileman ni kan, jadi senang lah saya buat kerja (ketawa), ada pembantu, betul tak? Tapi, takda pun takda pun dia punya minat kan, tapi kalau dorang apa memang menceburi dalam bidang ni saya memang suka lah.

**SAJ: Okey apakah pengalaman manis yang Dato' lalui sepanjang bergelar seorang pelakon?**

DNF: Kenangan manis ya, banyak lah tak ingat, banyak sekali (teruja), memang kenangan manis bersama apa kita punya kawan-kawan ya, jiran, artis-artis lepas tu kita punya perkauman ya, memang mesra dan yang paling manis mungkin dari segi pencapaian



tu, saya tak dapat lupa semasa Malam Pesta Filem Malaysia yang ke dua, ya, semasa filem pertama Dato' lah, okey, 'Bintang Pujaan' tu dicalonkan sebagai filem, filem *like* [seperti] komedi terbaik dan ada banyak lagi kategori-kategori lah kan, jadi malam tu adalah malam yang serba *special* [istimewa] sebab kawan-kawan yang berlakon dalam filem 'Bintang Pujaan' tu seperti arwah Dato' Sharifah Aini, lepastu ada ni ada Dato' Sudirman semua yang kita dulu satu level [paras], jadi kita memang malam tu kita ada *betting* [pertaruhan] you menang, you tak menang, kita batting biar dia sama. Jadi malam tu I tak percaya memang diorang dah bet dorang kata you mesti menang punya ni ni, betul-betul malam tu I punya kalah betting ya sebab memang dinobatkan sebagai Bintang Pujaan Aktres ya, 1981 kot ya, you all google kan, ada, bintang pujaan, itulah pengalaman atau pun kenangan yang manis.

**SAJ: Selain pengalaman manis, ada tak pengalaman pahit yang Dato' alami?**

DNF: Pahit? Pahit takda, semua manis, semua manis (ketawa) yang pahit je mungkin takdalah ada yang sedih, kita adalah tu kan tapi dalam sepanjang penglibatan dalam seni lakonan, penerbitan, semuanya memang bersyukur semua bagus. Memang semua manis.

**SAJ: Okey mungkin ada tak antara drama atau filem yang Dato' jayakan menjadi kesukaan Dato'?**

DNF: Drama dengan filem ya, ada, yang drama yang apa best [seronok] lah I kira *my favorite* [kegemaran] adalah drama terbitan RTM tajuk dia 'Siti Naquiah', ya 'Siti Naquiah', cerita ni mengisahkan seorang gadis tionghua okey, dia bercinta dengan siapa ya, pelakon Abu Bakar Kassim ya, dia seorang, seorang pemuda melayu ya, dan kemudian mendapat bantahan daripada keluarga masing-masing ya, sebab saya seorang tionghua ya, dari segi agama benda tu lah, pastu okey, lepas tu bila dah memeluk agama islam,

lepas tu dia punya cerita tu dia ada konflik pula, dia punya kekasih lah daripada dia punya *girlfriend* [teman wanita] datang kembali dalam hidup tu, jadi drama ini ada banyak pengajaran ya, bukan sahaja menghiburkan tapi ada mesej-mesej bagi segi perkauman, agama lepas tu dengan keharmonian semua, dan ini drama ini juga dicalonkan lah sebagai top five [lima teratas] dalam Sri Anugerah apa ya, Sri Angkasa RTM ya, jadi *rating* [penilaian] dia tinggi ya, dapat rating yang tinggi, sampai RTM meminta untuk buat dia punya sekuel part two lah [bahagian kedua], 'Siti Naquiah: 2', jadi ini lah drama yang betul-betul Dato' rasa apa favorite dan banyak mencabar dan banyak juga Dato' pelajari ya dari segi agama, ya, islam. Saya pelajari sebab saya perlu membawa watak Siti Naquiah bila dia jadi saudara baru right [betul], macam mana dia belajar, pastu macam mana dia sembahyang, pakai telekung semua benda, memang cantiklah drama ni, I punya favorite. Jadi kawan-kawan melayu pun selalu diorang bukan panggil Nancie sahaja, tapi mereka panggil Naquiah, panggil saya Naquiah, Siti Naquiah, jadi tu favorite I nama Siti Naquiah (ketawa), dan filem ya, filem pula, filem yang favorite ialah filem komedi lah, 'Main-Main Hantu', pernah tengok tak? Tak pernah tengok? (ketawa). Adik pernah tengok? Pernah tengok 'Main-Main Hantu'? Cerita macam mana 'Main-Main Hantu'? Ingat lagi? Ingat lagi cerita 'Main-Main Hantu'? (tokoh bertanya kepada salah seorang rakan penemubual) Cerita ni mengisahkan apa sekumpulan apa ni budak-budak sekolah kan, mereka pergi untuk perlawanan *netball* (bola jaring) ya, dari Kuala Lumpur ke Melaka, dan Dato' membawa watak sebagai Cikgu Nancie dan seorang lagi yang bawa bas tu ialah arwah Pak Hamid Gurkha ya, so kita rombongan ya dari Kuala Lumpur kita pergi ke Melaka untuk dia macam sesi bagi apa ya, kem ya kem untuk kuatkan dia punya sekumpulan pemain netball dekat tepi pantai. Jadi pada malam bila kita berkhemah di banglo lama tu, ada kejadian lah, yang berlaku, kira konon-kononnya lah hantu kan, hantu keluar, jadi kita ada macam komedi sikit lah, sekumpulan pemain netball ni tak suka Cikgu Nancie, jadi mereka aniayakan cikgu, faham? Malam-malam datang bawa tikus, pastu acah kan la cikgu dengan pak Hamid ni semua kan, cuba you google tengok, kelakar, lepas tu, lepas tu ending [pengakhiran] dia actually [sebenarnya] bukan hantu, ada dia punya macam apa ya orang kata, ada pencuri lah yang cuba nak curi dia punya bahagian permata dari banglo tu, jadi yang hantu tu actually is orang buat, menyamar

sebagai hantu malam-malam, jadi budak-budak nampak hantu melayang sini, melayang, mereka ingatkan betul hantu, actually bukan, jadi ini apa ni komedi seram, kelakar lah komedi, tu yang I punya favorite 'Main-Main Hantu' sebab selalu bila i tengok kadang-kadang dekat tv pun, TV3 pun dia dah ulang berapa kali 'Main-Main Hantu', lepas tu TV9 pun mengulang banyak kali, memang popular 'Main-Main Hantu' tu.

**HHN: Okey tadi Dato' ada cakap yang Dato' takda pengalaman pahit, adakah itu disebabkan oleh Dato' memang betul-betul minat dalam lakonan?**

DNF: ahaa

**HHN: Jadi disebabkan itu Dato' rasa macam takda pengalaman pahit.**

DNF: Takda. Semua rasa okey, manis je takda yang pahit betul. Takda.

**SAJ: Okey adakah Dato' telah bersara dalam bidang lakonan sepenuhnya?**

DNF: haaa?

**SAJ: Adakah Dato' telah bersara dalam bidang lakonan sepenuhnya?**

DNF: Bersara ya?

## SAJ: Ya

DNF: Saya rasa kalau yelah saya bersara masa dah, saya dah berkahwin dan bila mendapat anak lah, masa tu memang bersara seratus peratus [100%]. So sampai sekarang sebab dari bersara tu dari lakonan, tapi Dato' apa terus buka syarikat penerbitan ya bersama rakan kongsi, co-partner [rakan kongsi] Produksi Seni 2020 kan, jadi dari situ memang tugas hanya menerbitkan rancangan-rancangan atau pun dalam bidang penerbitan sahaja. Tiada lakonan kecuali ada macam undangan ya dia bagi *interview* [temuduga] ke, untuk benda-benda, okey so yang last [terakhir] saya muncul kembali ya dari bersara ya, ialah tahun mungkin lima tahun lebih kot, ada muncul balik dalam 'Gerak Khas' ya, sebagai pelakon undangan sahaja lah ya, sebab dulu bila Dato' berlakon memang saya berlakon sebagai watak polis dalam drama series 'Debu-Debu Kota Raya', 'Remang-Remang Kota Raya' dengan Dato' Yusof Haslam ya, Skop Production, under [di bawah] Skop Production. Jadi dia punya branding [penjenamaan] tu bila dah sampai sekarang dalam apa ni millennium punya ni kan, dia dah tukar tajuk, tukar 'Gerak Khas'. Dulu memang start dengan 'Remang-Remang Kota Raya', cerita polis tu kan, cerita kepolisan, jadi kita adalah pelakon asal dari dulu, faham tak? Inspektor Suzy, Dato' Yusof main watak apa ya, DCP apa, i lupa dia punya watak ya, so sekarang era baru ni sekarang semua yang baru lah macam Salina, Erra Fazira, Norman Hakim semua ni kan, so untuk 'Gerak Khas'. Jadi itu sebab sentimental tu, jadi saya muncul sebagai artis, *guest* [jemputan] artis, untuk i rasa untuk tiga atau empat episod sebab dia punya shooting tak lama, shooting mungkin satu hari, setengah hari, dua hari itu, jadi tak mengambil masa yang lama jadi itulah sebab saya okey dok berlakon suka-suka lah walaupun dah lama bersara kan (ketawa). Tapi ramai juga lah pener—kawan-kawan penerbit memang mereka ada menawarkan atau minta tolong kan, kata "eh, mai lah tolong berlakon satu dua *scene* [babak] kan" sebagai guest artist semua benda, jadi ada dua tiga kali saya cuba untuk luangkan masa dalam siri, ada satu siri yang diorang dah buat, Jeffry Din, jadi dia punya date [tarikh] pun sebab apa bercanggah jadi tak dapat.

## **HHN: Okey boleh Dato' ceritakan pula berkenaan dengan syarikat penerbitan Dato'?**

DNF: Okey, syarikat kami, Produksi Seni 2020 ditubuhkan dalam 1991 kot, ya, jadi dah lama syarikat ni ya, lepas Dato' kahwin je, kita tak berlakon, i teruskan dengan penerbitan ya, tubuhkan syarikat Produksi 2020, dan kami telah banyak menerbitkan rancangan-rancangan untuk stesen tv lah ya seperti RTM, TV3, ASTRO ya, banyak program, dan antara, antara program-program tv yang mencapai rating adalah 'Kisah Benar'. Dengar tak? Pernah dengar tak 'Kisah Benar'? 'Kisah Benar' ya, TV3, masa tu, pastu kita ada menerbitkan rancangan travel [melancong] vlog, melancong, lepas tu ada rancangan masakan, Chef Wan masa tu Chef Wan tak popular lagi, okey, pastu rancangan sukan, macam-macam lah, telemovie, macam-macam rancangan tv, tv lah, untuk tv, tapi banyak kategori, dokumentari, masakan, sukan, dan kami juga menerbitkan filem pula, filem yang first filem kita terbit ialah 'Red Haired Tumbler Di Malaya'. Okey 'Red Haired Tumbler Di Malaya' ni pada tahun kalau tak silap 1995, okey. Filem ni kita di—kita dapat apa ya, Anugerah Khas Juri, ya, Anugerah Khas Juri daripada, daripada Festival Filem Malaysia yang ke—i tak ingat yang keberapa, kelima keberapa (tarik nafas), tapi tahun tu 1995 lah ya, Anugerah Khas Juri kerana memaparkan filem yang budaya yang dari multinational yang tu, sebab masa tu pelakon dia Shima, penyanyi Shima, Ahmad Fauzi, Mr Os, Datuk Elaine Kang, jadi itu filem pertama. Lepas tu sekarang filem yang kedua ialah yang dalam apa siap, yang dah siap, hanya tunggu tayangan ialah 'Sumpah Jerunei' ya. 'Sumpah Jerunei' ialah sebuah cerita mengisahkan kejadian benar ya daripada, daripada Sarawak ya, di mana kaum Melanau, kaum Melanau, golongan bangsawan bila mereka meninggal, mereka mesti adakan tugu ya, tugu apa, penghormatan bagi mereka, dipanggil jerunei, tiang jerunei. Dan, dan juga mereka memerlukan dua orang hamba ya, untuk dikorbankan ya, jadi biasanya mereka akan korek [gali] lubang tu, jadi dia akan bawa hamba lelaki dahulu, dia campakkan ke dalam pastu dia naikkan tiang jerunei tu dan hempap ya, lepastu bila dah tegakkan tu, baru dia bawa itu gadis yang di apa, akan diikat di tiang jerunei tu dan dibiarkan mati, hingga mati, kejam kan, ini berlaku semasa dalam abad lapan belas [18] ya, masa-masa James Brooke, kalau you baca

sejarah Sarawak, memang wujud lah ya dia punya praktis, tapi bila James Brooke yang kedua datang ke Sarawak, dia, dia bubarkan kejadian ni. Mereka tidak boleh lagi adakan dia punya budayanya ya, dan yang tiang jerunei itu di tempat asal, Mukah, memang ada lagi dia punya tiang asli, lima. Dan kalau you pergi ke Sarawak Museum, memang tiang tu dia di depan Sarawak apa, museum tu di Kuching. Jadi dari kisah kejadian benar ini, kami jadikan filem ya, dijadikan filem untuk apa ni, memakmurkan kejadian ini dari segi seram, seram lah ya, jalan cerita ubah sikit. Dan antara pelakon-pelakon yang berlakon dalam filem ini adalah Bront Palarae, kenal? Bront Palarae, Uqasha Senrose, ya, Daiyan Trisha, Shafie Naswip, siapa lagi ya? Ruminah Sidek ya, Yuyun Hikmah, Tony Eusoff, semua pelakon-pelakon handal. Semua memang pelakon yang memenangi *award-award* [anugerah]. Jadi ini yang kita nanti-nantikan nantilah pada bulan Jun dua puluh dua puluh tiga [2023]. Jadi you all support tau, nanti *viral* [tular] kan, nanti Dato' share yang *IG* [Instagram] semua. Jadi, kita memang dah dapat kan, dah masukkan tarikh untuk dapat kan senarai, harap-harap pada bulan Jun tahun ini, tapi promosi nanti kempen akan bermulalah setakat tengah siap untuk rancang lah punya kempen, promosi, tulah kalau kata ada kawan-kawan *intern* [pelatih] yang nak apa tolong kan atau pun nak kerja sebagai dari sosial media atau pun promosi kempen semua ya.

**HHN: Okey Dato', berapa lama masa diambil untuk buat filem?**

DNF: Berapa apa?

**HHN: Berapa lama masa diambil.**

DNF: Oh, okey, lama juga, sebab okey, kita bayangkan ya, filem ini adalah kejadian benar. (menarik nafas) Jadi, kita bermula daripada *research* [kajian], kita sebab filem-filem

ataupun hasil kejadian benar ini, *you* [awak] tak boleh sebarang [sebarangan] *shoot* kan, mesti ada fakta-fakta dan negeri Sarawak [Malaysia] memang, memang apa ya (berfikir) dia-dia teliti ya, *you* kena *submit* [hantar] *you* punya tesis, *you* punya *research* dulu sebelum ataupun *you* serahkan *you* punya skrip dulu untuk, untuk *approval* [kelulusan], *you* faham tak? Bagi kelulusan sebelum *you* punya- negeri Sarawak tu bagi cop (aksi sedang cop) sebab kita walaupun kita- Malaysia kan, kita bila kita *shooting* pergi kat sarawak tu, kita kena minta kebenaran juga. Bukan senang sebarang kita pergi je. *You* kene *declare* [isytihar] siapa *you* punya krew yang mana yang bukan warganegara Malaysia, dia kena *apply* [mohon] *work permit* [permit kerja] lagi, ya. Jadi, kita bermula dengan *research*, *research* pasal tiang jerunei ni dan juga bangsawan, orang bangsawan ni dan juga kaum Melanau ini. Mereka, siapa lagi kaum-kaum apani etnik di Sarawak yang ada dia punya apani, meme- mengadakan upacara macam ni la. Ada juga orang Hulu bukan je kaum Melanau. Ada kaum lain juga tapi yang dihapuskan sekarang. Jadi *research* tu mengambil masa dalam satu tahun. Ha, kita buat *research* lepas tu kena *interview* [temuduga] dengan pensyarah universiti kita- yang *dean* [dekan] ya, yang-yang mana pakar pasal tiang jerunei ni, *you* faham tak. Lepas tu, kita kena *interview* dengan pegawai-pegawai ataupun yang- *culture* [budaya] yang untuk Sarawak *Museum* [Muzium Sarawak]. Lepas tu kita juga kena *interview* atau be- bekerjasama dengan Persatuan Orang-orang Melanau untuk dapatkan kelulusan, dan mereka juga nak tahu *you* punya jalan cerita apa yang kebetul [betul] dan apa yang fiksyen *dicombine* [digabung] tu, okey ke tak okey untuk dapatkan kelulusan, ya. Selain daripada itu, kita juga buat *research*, “eh pakaian dulu, diorang pakai apa, ya”, kan, “dia, dia guna apa, macam mana cara dia buat ini tiang jerunei”. *You* bayangkan ini tiang jerurai [jerunei] (buat bayangan tiang jerunai menggunakan tangan), dia pokok belian tinggi sampai dua ratus, lima ratus [200 - 500] meter, dalam abad kelapan belas tu macam mana *you* bawa ye itu balak ya, ke kampung, ya. Itu semua kita kena *research* tau. Jadi, kena *research* mereka bawa balak tu melalui sungai. “Ha, oh macam tu”, “ha, tinggi”. Lepastu, satu kampung pergi apa tebing [tebang] pokok tu, sebab pokok tu besar kan, bukan satu orang, satu kampung pergi. Lepas tu, bila *you* cari ini pokok belian untuk buat tiang jerunei ni, dia kena pilih tarikh, dia kena pilih waktu, bila nak pergi sebab banyak dia punya pantang-

larang. Bila *you* masuk ke hutan, bila dia nampak burung hantu, tak boleh keluar, dia nampak ini, tak-, dia-dia punya pan-pantang larang tu banyak. Jadi, dari tesis hm ataupun *research* tu, kita dapat- bayangkan ya ini semua, jadi kita masukkan dalam jalan cerita, *you* faham tak? Jadi dalam jalan cerita tu, *you* nampak satu *example* [contoh] la *I* bagi, satu contoh, dalam satu *scene* [babak] babak tu kita ada satu babak dimana watak utama ya, Profesor Doktor Sani, yang mana dilakonkan oleh Bront Palare dengan Syafie Naswip, dia punya *research assistant* [pembantu kajian] la, mereka masuk hutan ya, bila dia nampak masuk hutan, dia keluar dia nampak ular, dia nampak apa burung hantu ya? (keliru) kelawar, ini adalah tanda-tanda pemburuk [buruk], ahh (suara keras dan teruja). *So* [jadi], jadi kita *link* [hubung] la kita masukkan sebab kita dah *research*, kita tahu dia punya pantang-larang kan, jadi simbolik dalam *scene* tu bila mereka nampak benda ni, *that means* [maksudnya], ada benda buruk akan datang, faham tak? Jadi, dari *research* tu kena buat skrip, lepas tu bukan saja satu skrip, kita olah sampai lima skrip, (tarik nafas) lepas tu kita rasa “eh ni filem seram, tapi yang ini punya *flow* [aliran] rasa lambat kan, dia punya *flow* macam drama”, jadi kita olah balik, jadi sampai lima lepas tu pengarah pulak datang kita ada sesi bacaan, kita olah balik jalan cerita, jadi hm bila skrip dah okey tu, kita kena *start* [mula] *pre production* [pra pengeluaran] pula. *Pre production*, apa kita kena cari, kita kena pergi *rekey* [tinjau] dua kali, *rekey* ke Sarawak, satu kali ialah dengan *team* [pasukan] produksi ya, kali kedua kena bawa pula teknikal *team*, ya. Teknikal *team* dia maksud dia dengan dia punya D-O-P [Director of Photography] la dia kena tengok dia punya kamera nak pasang mana la, dia punya *team* tu. Tapi yang *first team* [pasukan pertama] tu, nak tengok tau *shooting* kat mana lokasi, nak pilih lokasi kat mana, dekat sungai ke dekat kampung ini ke hutan mana ke, nak cari dia punya pemuzik kan, orang kaum Melanau, lepas tu pakaian ea yang mana satu sebab ini lapan- lapan belas punya abad ea, jadi pakaian kena betul dengan dia punya apa, macam-macam la banyak ya. Lepas tu dengan dia punya rumah Melanau. Rumah Melanau ni mencabar untuk buat jadi kami menggunakan banyak *V effect* [Verfremdungseffekt] ya. Macam mana *you* buat, *you* kena buat *blue screen* [skrin biru], jadi kita kena shoot dalam hutan tu, *blue screen* tapi kita masa-masa balik studio, kita masukkan elemen hutan yang tebal. Kalau tidak susah, memang susah kalau kita nak masukkan hutan dekat sa- Sarawak tu, dengan



kita punya *team* nak bawa kamera dalam tengah hutan tu memang susah. Itu sebab kita *shoot on blue screen*, ya. Okey *so*, tadi soalan mengambil bila (tersalah sebut) berapa lama ya, I rasa *research* je dah satu tahun lebih, okey. Lepas tu, *production* [produksi] empat puluh erm *sorry* [maaf], *shooting* ya, empat puluh lima hari [45] (bunyi kertas diselak). Lepas tu, kita balik kena buat *postproduction* [pasca pengeluaran]] lagi, *post production* pula tu mengambil– (ketawa) sebab malang ya, sebab apa kita habis *shooting* hari ini je Covid [wabak Covid-19] datang. Jadi, kita punya *editing* [penyuntingan] penyuntingan, kita punya *postproduction* terganggu dalam dua tahun (bunyi kertas diselak). Jadi lama juga lah kita untuk siapkan filem ni. Agak-agak mungkin tiga tahun, tiga atau empat tahun (menarik nafas sambil tersenyum). Lepas tu, Covid dah- dah- dah lepas tapi penonton masih belum selesa untuk balik ke pawagam. Ingat tak tahun lepas? (bertanya kepada penemubual) Takde orang yang berani ya, walaupun kita dah tayangkan filem melayu tapi peminat filem memang rasa takut lagi untuk masuk ke pawagam sebab kan diorang ada bagi penjarakkan tu berapa kan, bahagian berapa orang saja yang hanya boleh masuk dalam pawagam. Jadi, agak-agak dalam enam bulan lah, jadi penerbit kita yang tanggung. Duit dah keluar, filem dah buat, semua dah bayar tapi tak ada tak ada dia punya apani kewangan masuk. Jadi, terjejas ya, sebagai seorang penerbit. Hm, inilah masalah dia, jadi, sekarang– tahun lepas pawagam dah buka, sekarang mereka selesa datang balik ke pawagam untuk tonton filem melayu. Hm, ya, cerita panjang sangat ya? (tokoh gelak bersama penemubual) ha, ya? (senyum) oh okey, apa lagi?

**HHN: Hm, boleh Dato' kongsi berkenaan dengan syarikat penerbitan Dato'. Adakah dato' mempunyai rakan kongsi?**

DNF: Ya, memang syarikat Produksi Seni 2020 ni (bunyi helaian kertas diselak), saya dan rakan lah kongsi Datin Wendy ya, kami dua-dua memang dari dulu sampai sekarang ya rakan kongsi, hm mengendalikan dan menguruskan syarikat produksi seni 2020.

**SAJ: Okey, hm, adakah Dato' pernah berkolaborasi dengan artis lain untuk satu projek atau rancangan TV [televisyen]?**

DNF: Hm, maksud dia berko-la-borasi dengan artis-artis lain dalam rancangan la?(ingin kepastian) Nak tak nak dalam setiap rancangan drama ataupun filem ada juga rancangan yang kita perlu ya artis-artis melibatkan diri dalam program tersebut. Jadi kita, kita tengok apa rancangan tu, kalau masakan okey, mungkin kita cari artis yang boleh memasak ya, ataupun dia-dia tengok apa jenis rancangan. Jadi memang banyak kita menggunakan dan kita harus bekerjasama dengan artis sesama sendiri.

**SAJ: Jadi, boleh Dato' kongsi bagaimana Dato' berjaya mengekalkan diri dalam tempoh yang lama dalam industri ini?**

DNF: Hm, mengekalkan nama? (kurang jelas)

**SAJ: Haah.**

DNF: Oh, okey, I rasa dari sini, sebab saya memang tidak bersara terus daripada industri filem ini kan, saya memang aktif walaupun tak aktif dari dunia lakonan saya aktif dalam penerbitan dan saya juga aktif dalam persatuan ya, memang Dato', saya sebagai bendahari untuk Persatuan Penerbit Filem Malaysia ataupun P-F-M ya, dimana kami mempunyai tiga ratus [300] lebih ya ahli dalam persatuan dan kami memang apa, bertujuan objektif ialah membantu penerbit-penerbit filem di Malaysia dengan ekosistem dan apa masalah saja lah yang kita memang bantu untuk meningkatkan dalam penerbitan filem. Dan, selain daripada itu, Dato' juga, saya seorang sebagai amanah dalam Yayasan, Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air ataupun YKAT, Y-K-A-

T. Yang Yayasan ini ditubuhkan untuk membantu artis-artis tanah air ya, yang memerlukan ya tak-tak kira bangsa ataupun agama (helaian kertas diselak) yang mana mereka uzur, sakit ke yang perlukan bantuan kami akan cuba bantu dari segi kewangan ataupun apa-apa benda lah yang kami boleh bantu, ni Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air Malaysia ya, hm.

**HHN: Okey, boleh Dato' kongsiikan apakah cabaran yang Dato' lalui sepanjang memulakan syarikat penerbitan.**

DNF: Okey, cabaran dia banyak juga kan, sebab tahulah sebagai seorang penerbit, kita bila menerbitkan se-buah rancangan, program ataupun filem kami memerlukan banyak kewangan ya, sebab biasanya pembayaran yang akan dibayar oleh penerbit dulu, dan lepas tu pembayaran akan dibayar dari stesen kemudian. Jadi, pada tahun 1997, ya seluruh dunia mengalami *financial crisis* [krisis kewangan] kan, financial crisis masa tu dan pada masa itulah apa kami mendapat cabaran yang sangat orang kata susah sebab- stesen-stesen tv tidak membeli rancangan lagi sebab mereka pun takde duit kan, jadi mereka mengulangi program, rancangan. Jadi pembekal-pembekal ataupun penerbit-penerbit tidak, tiada projek lah ya. Dan kami tiada projek sebab modal pun takde jadi dalam masa tu kami juga perlu *retrench staff* [pemberhentian kakitangan] dari kakitangan dua puluh staff dan mereka dikurangkan ya, sepuluh atau enam ya, terpaksa. Lepas tu kita kena apa *cut expenses* [mengurangkan perbelanjaan], mengurangkan bajet semua. Jadi masa itulah yang paling mencabar ya. Lepas tu bank pula kejar kita punya semua kan, jadi kami- kami dari syarikat besar kita *resize* [kecilkan] ke kecil, kita kurangkan semua staf, kita kurangkan ini, itu untuk tahan lah sampai sekarang (gelak) ya. Hm.

**HHN: Okey, soalan seterusnya, adakah Dato' lebih selesa untuk bekerja dibelakang tabir berbanding dengan di hadapan kamera?**

DNF: Bagi sekarang memang. Sekarang dah selesa kan, lama dah tak-tak muncul, aaa dulu lain sebab dulu bila Dato' muda kan, beria-ia sangat untuk berlakon apani kan, masa tu yalah kan depan kamera *no problem* [tiada masalah] semua ni kan, tapi sekarang dah rasa dah-dah berumur sikit kan, dan rasa lebih selesa di belakang tabir. Dan tak payah nak bangun awal (bernafas) lepas tu dia punya jadual lakonan tu panjang kan, sebab bukan satu hari, mungkin sampai dari pagi sampai malam kan, *shooting*. Jadi rasa bertenaga tu dah-dah kurang kan, dan banyak lah perkara untuk lakonan tu yang memerlukan tenaga dan konsentrasi. Jadi sekarang bila dah duduk kerusi penerbit, jadi kita- kita punya masa kita aturkan sendiri, senang kita boleh *adjust* [menyelaraskan] lah *timing* [masa] tu. Rasa lebih selesa.

**HHN: Okey, pada pendapat Dato' lah, adakah sukar untuk menyesuaikan diri dalam bidang penerbitan?**

DNF: aaa, tidak. Sebab rasa—, sebab Dato' sendiri dah dalam dunia apani lakonan dah lama kan, jadi serba sedikit saya dah tahu cara penerbitan ya. Mereka menjalankan sebuah penggambaran ya, dari A sampai Z kan, apa yang perlu dilakukan dari segi apani skrip lepas tu pemilihan pelakon lepas tu pemilihan *production team* ya, lepas tu *technical team* [pasukan teknikal], lepas tu bajet. Yang pentingnya bajet ya, sebab *you-you* bila you menerbitkan sebuah drama ataupun filem, yang penting ialah bajet ya. Kalau *you* terlebih bajet, ini akan merugikan lah. Tak-tak berbaloi, jadi banyak bahagian yang perlu kita teliti ya, yang mana untuk apa berjimat ya, jadi yang mana dapat *sponsor* [penaja], kita terpaksa *sponsor*. Sebab se-sekarang memang benda-benda dah naik, betul tak? Tapi harga dari *tv station* [stesen televisyen] tak naik, kan, artis pun minta bayaran tinggi, jadi kita pun apa, cari *sponsor* macam mungkin sekarang diorang cari *sponsor* mineral, air ataupun *sponsor* makan untuk kurangkan kita punya kos produksi, bajet. Hm.

**SAJ: Okey, apa, pada pendapat Dato', apakah cara untuk menilai kualiti seseorang artis supaya dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada dunia seni negara?**

DNF: Seseorang artis?

**SAJ: Artis, haah.**

DNF: *I* rasa sekarang, bagi seorang artis yang berkualiti la ya, rasa yang pertama ialah dari diri sendiri tu ya, dia punya karakter sebagai seorang artis ya. Dia punya dalam penglibatan ya, dalam sebagai artis dalam penerbitan drama, filem ke ya, lepas tu dia punya *characterization* [perwatakan] tu, dia punya disiplin, *alright* [baiklah]. Lepas tu bila *you* dah di apa dikenali sebagai artis yang berdisiplin, yang orang hormati semua ni kan, okey, *you* dah *establish* [menubuhkan]. Lepas tu yang kedua pula, macam untuk meningkatkan seorang yang berkualiti mungkin mereka boleh menyumbang balik ya, kepada apa macam *they can contribute* [mereka boleh menyumbang] balik la ya, sebagai artis, sebagai satu *role model* [contoh] dimana peminat sendiri akan memandang *you* sebagai seorang artis insan yang apa orang puja ya, puja sebagai *role model* untuk apa orang ikut ya. Artis memang ini sebagai *ambassador* [duta] ke apa ke, ada mempunyai apa *influential* [berpengaruh], *you* faham tak? Jadi seorang artis tu kena apa dia sendiri kena bim-bimbing apa, buat sendiri ke taraf kualiti hingga perlantikan ataupun yang begitu manfaat kepada masyarakat dan juga peminat-peminat mereka. Itu satu mesej yang kuat lah yang mana mereka boleh sumbangkan. Hm.

**HHN: Okey, soalan seterusnya, apakah lain kegiatan yang Dato' jalankan selain daripada lakonan dan penerbitan?**

DNF: Apakah yang kegiatan?

**HHN: Kegiatan lain selain daripada lakonan dan penerbitan. Contohnya, macam ikut N-G-O [Non-Governmental Organization] [Pertubuhan Bukan Kerajaan] ke.**

DNF: Oh, yang tadi I sebut tadi la ya, selain daripada penerbitan, menguruskan syarikat sendiri, saya sebagai N-G-O didalam persatuan penerbit filem sebagai apa bendahari ya. Bendahari macam Dato' sebut tadi, kita membantu ahli-ahli ya, penerbit filem alright, semua NGO dan juga Yayasan Artis Tanah Air ni kan, semua ini kerja-kerja memang sukarela ya, kami tidak dibayar dan kami memang dah lama apa ya, menyumbang la ya, kita punya kepakaran atau yang mana kita boleh membantu ahli dan juga kepada semua penggiat seni. Hm.

**HHN: Dari tahun bila tu Dato'?**

DNF: Er, dah lama saya rasa— saya memegang jawatan dalam A-J-K [ahli jawatankuasa] persatuan penerbit filem dah-dah (bunyi gelang penemubual) dalam lima belas [15] tahun kot, dah lama, memang dah lama dan yayasan untuk Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air mungkin dalam lapan [8] tahun. Hm. Sebab yayasan baru ditubuhkan.

**SAJ: Apakah anugerah yang Dato' perolehi sepanjang menceburi bidang lakonan?**

DNF: Ha, okey, anugerah ya? Anugerah tak banyak dua [2] saja (ketawa). Yang pertama bila Dato' apa memenangi yang *award* [anugerah] Bintang Harapan *actress* [pelakon

wanita] kan, melalui filem pertama Dato', Bintang Pujaan dalam Festival Filem Malaysia [FFM] yang ke dua [ke-2] ya. Itu satu *award* ataupun yang saya apa menghargai sebab ini adalah pembuka jalan untuk Dato' masa itu untuk terus berlakonya, dalam apa filem-filem *career* [kerjaya] lah, yang *career* sebagai pelakon masa tu. Dan pada tahun dua puluh- dua puluh bila ya (berfikir), enam belas [2016] ke lima belas [15] Dato' dianugerahkan *Dato'ship* [panggilan Dato'] oleh Sultan- Sultan Pahang, Sultan Pahang dengan gelaran Dato' lah, D-I-M-P [Darjah Indera Mahkota Pahang]-- ya, Dato' *ship* lah, yang mana saya sangat menghargai ya, jadi dengan gelaran ini, ini mem- bagi perangsang bagi Dato' untuk apa(kertas diselak) teruskan membantu ya dari bukan sahaja dalam bidang seni ataupun perfileman tapi kepada masyarakat juga ya, daripada mana saya membuat sukarelawan dari apa *charity* [kerja amal] ya, buat *charity*, *charity* cakap apa ya dalam Bahasa Malaysia tak ingat (berfikir), *charity* hm. Macam mana Bahasa Malaysia *charity*? (bertanya kepada penemubual) apa dik, sayang? (bertanya kepada rakan penemubual) *charity* kita buat- ha?

**SAJ: Kerja amal.**

DNF: Ha?

**SAJ: Kerja amal.**

DNF: Ah, kerja amal ya. Sumbangan, kita bagi sumbangan ya kepada mungkin kepada anak-anak yatim, rumah orang tua, ini semua benda la kita nak bantu mana yang mereka memerlukan ya.

**HHN: Okey, seterusnya boleh Dato' kongsi anugerah dari segi penerbitan.**

DNF: daripada?

**HHN: Dari bidang penerbitan.**

**SAJ: Adakah Dato; dapat anugerah dalam bidang penerbitan?**

DNF: Penerbitan?

**SAJ: Ha.**

DNF: Ha- belum lagi, harap-harap “Sumpahan Jerunei” ya (gelak). Jadi harap-harap kita dapat “Sumpahan Jerunei” kita dapat mungkin *award* untuk *costume* [pakaian] terbaik ke, apni dan harap-harap (bunyi hentakan kertas) tahun ni okey (ketawa). Yang- yang- yang pertama tu ada la dalam penerbitan yang mana apa tu yang filem ‘Red Head Tumbler’ tu kan, yang tu a- apa a- ‘Anugerah Khas Juri’ ya Khas Juri.

**SAJ: Apakah pengalaman yang Dato' tak dapat lupakan sepanjang bergelar seorang pelakon?**

DNF: Yang mana ya? (selak kertas) Mana tadi? Yang ni tadi. Yang apa yang tak dapat lupakan?



**SAJ: Semasa Dato' jadi seorang pelakon.**

DNF: Hm, pengalaman yang tidak dapat dilupakan ya, pengalaman ya, pengalaman (berfikir) okey, haritu ada cerita ya, pengalaman masa kita *shooting* dekat Melaka, okey pengalaman tu kejadian tu berlaku memang betul la kan sebab malam tu kita *shooting* ada scene hantu, okey jadi dalam banglo tu lama tu kita *shooting* dalam satu ruang ya, lama dan tiba-tiba saya punya pelakon ya, Alice Voon ya, dia berlakon sebagai pemain *netball* [bola jaring] kan, dia kena dirasuk ha, bayangkan ya, kita tengah *filming* [penggambaran] tau, dia punya DOP *cinematographer* [ahli sinematografi] pun memang pegang kamera jadi bila dia, dia berlakon tu, dia terus di- rasuk. Dia dapat rakam, dia jerit ya, Alice, Alice diganggu la ya, diganggu dia jerit-jerit, tapi suara dia macam suara lelaki. Kita-kita masa berlakon kan, kita- jadi kita menyaksikan episod ini, jadi kita pun rasa takut, faham tak? Masa tu pun kita muda kan, lepas tu kita punya pelakon-pelakon semua remaja-remaja la budak kan macam *you all* [awak semua] muda-muda tapi bila kita nampak Alice dirasuk banyak kali tau. Tapi malam tu memang *first time* [pertama kali] dia kena memang kena keras [entiti] dalam setengah jam tak-tak keluar juga dia tak nak keluar benda tu la keras tu kan. Dia punya apani jurukamera dia pandai dia-dia dia lawan dengan dia [entiti] dia baca surah semua kan, tapi agak lama juga la, setengah jam. Dia tak nak keluar, bila dah setengah jam tu, baru Alice sedarkan diri, baru dia cerita apa terjadi benda tu. *So*, lepas tu bila kita nak, malam tu kita nak pergi tanda pun takut, takut (ketawa) jadi bayangkan kita berempat perempuan kan masuk tandas sekali (ketawa) jadi kita-kita masuk sekali lepas tu Alice pula kata, “ada benda atas” adoi (mengeluh) “apa” I kata “apa benda” dia kata “itulah benda ada kat atas” jadi kita dah kencing tu kan semua lari (menunjukkan pergerakan berlari) tau keluar tandas tu, adoi dia kata- sebab ni mata Alice dia boleh nampak, you faham tak, apa *you* panggil tu ya, tak tau la dia-dia memang nampak benda-benda ini, keras ni la kan. Jadi itulah, itu pengalaman tak dapat dilupakan, saya ceritakan dengan kawan-kawan. Dalam satu lokasi lain pula, kita *shooting* dekat luar jadi masa tu kita *time* [masa]

minum teh tu, Alice pula nampak dari jauh tau dekat kubur, dia- dia cerita tau, jadi bila dia nampak tu dia cerita dekat kita pula, eh takut la kan (membuat reaksi takut). Dia cerita eh dia kata “eh, itu ha nampak itu dekat jalan tau anak dia jalan” *I* tanya “jalan dekat mana” “budak jalan dekat kubur”. *I* punya bulu semua naik ha, dia kata “ ya”, dia kata “alahai, ada budak lepas tu ada-ada orang tua” sebab mata dia, dia nampak. Dia nampak dekat kubur memang *I* kata *I* kata– *you all* panggil apa ya? Jenis ni, tahu? Hm?

**HHN: Terbuka hijab kan? (bertanya kepada SAJ)**

**SAJ: Hijab terbuka.**

DNF: Ha? (kurang dengar)

**SAJ: Hijab terbuka.**

DNF: Ya? (ingin kepastian)

**SAJ: Haah**

DNF: Ha, ..(tidak dapat didengari) dia kata– kita yang lain, yang tak nampak tu terus *packing* [kemas] balik chow [pergi] la kan (ketawa) jadi dia kata kadang-kadang dia okey dia tak terganggu, faham tak? Dia nampak tu tiada gangguan tapi kadang-kadang dia kena dia kena dirasuk, jadi dalam satu bulan tu ya, *shooting* dekat Melaka tu bayangkan

kita-kita apa kita dapat lah pengalaman macam ni. *First time*, memang pertama kali, ini lah pengalaman yang saya tak dapat apa lupakan.

**HHN: Okey, sepanjang Dato' jadi pelakon, ada ke watak yang Dato' teringin sangat nak cuba?**

DNF: Yang- watak yang saya-

**SAJ: Nak sangat cuba, tapi Dato' *still* [masih] belum dapat– dapat untuk lakonkan.**

DNF: Macam mana, tak faham.

**SAJ: Maksudnya, macam ada tak watak yang Dato' teringin nak–**

DNF: Berlakon.

**SAJ: Ha-, tapi Dato' tak dapat peluang untuk tu.**

DNF: Hm, (berfikir). Okey, tengok ya, watak polis, watak ni, hm okey satu watak ya, memang yang saya tak pernah la ya membawa watak seorang wanita yang apa yang kira apa yang kira sakit mental. Ha- itu bukan senang tu, itu watak, apa itu watak yang begitu mencabar ya jadi Dato' tak pernah terima apa tawaran untuk watak seperti itu yang saya rasa yang begitu mencabar, bukan senang ya, ba-bayangkan seorang mental

tiba-tiba dia okey tiba-tiba tak okey, lepas tu dia memandangkan situasi yang berlainan sebab apa sebab orang mental atau yang berpsikologikal dia- dia lain dengan fikiran kita kan. Jadi terpulang kepada seorang pelakon macam mana dia nak apa bentukkan perwatakan tu sebagai seorang yang mental. Ha, itu yang mencabar. Ha, yang tak pernah Dato' terima (ketawa) dan dah terlambat ya.

**HHN: Boleh Dato' kongsi sedikit tips-tips lakonan.**

DNF: Tips lakonan? Tips lakonan-, okey, tips lakonan dari dulu memang senang untuk kami ya, untuk meng- apa hayati, menjayakan watak, ataupun menghidupkan sesuatu watak yang ditawarkan oleh sebab (menarik nafas) masa, *time* dato' berlakon dalam drama-drama terbitan ya, R-T-M, memang kami ada peluang untuk *rehearsal* [raptai] ya, kita ada *rehearsal* dimana kami perlu menjalani dia punya *rehearsal* dalam tiga atau empat hari, okey membaca- pertama ialah membaca skrip lepas tu kita mencuba menghayati watak-watak masing-masing. *You* sebagai kakak, *you* sebagai adik (menunjukkan ke arah penemubual), jadi perlu memahami watak sendiri. Jadi dari situ nasib baik sekali lah sebab kami mempunyai latihan daripada R-T-M, saya belajar dari situ macam mana ya, untuk menghayati perwatakan tu, lepas tu yang kedua kami berbincang sesama sendiri ya, watak-watak tu lah dalam satu-satu *scene* tu, macam mana *you* nak ya, reaksi kepada *scene* ni *scene* tu ya. Ini adalah sedikit yang kami belajar. Lepas tu selain daripada kita mempunyai latihan untuk belakon dari segi berdialog lepas tu watak dan juga pergerakan. Kami dah tahu kamera kat mana, kalau *I* tengok kamera tu kat situ kan (menunjuk arah kamera) jadi *I* nak pandang kat situ, jadi bila *I* cakap tu, *I* toleh dekat *you*, tapi *I* memang dah tahu la sebab dia-dia di RTM dia ada tiga kamera. Kalau *I* nak cakap, *I* cakap-cakap pandai lah *I* pandang dekat kamera dua yang berdepan, lepas tu kamera tiga, kamera satu, jadi mata, pemandangan tu, sebab itu kadang-kadang pelakon kan bila *you* pandang sini, rambut tertutup, jadi tak nampak semua ni kan. *So*, kalau kita belajar dari *rehearsal* semua kita faham, pergerakan kamera tu, jadi kita tak terlindung benda lepas tu ekspresi dari muka tu pun nampak. Jadi ini adalah

benda-benda tips yang saya pelajari daripada RTM ya dan yang lain-lain tu *I* rasa bila memahami perwatakan tu. *You* kena buat *research* sendiri ya, pasal macam kita cakap mental tadi kan kalau seorang pelakon dia nak membawa watak ya, seorang mental, *so you* kena google, *you* kena *check* [semak]. Sekarang senang la, diorang ada google kan *you check*. *So* mental ini macam mana ya dia punya kadang-kadang karakter dia punya dia- dia apa mungkin setiap hari macam mana dia *right*. Dia punya karakter tukar dia punya mood tukar seorang mental kan. Apa sebab *so* banyak *you* boleh google, jadi *you* tahu dari situ. Dulu kita mana ada google, kita kena fikir sendiri tau (ketawa) ataupun kita tengok filem, ya, kita apa masa tu DVD [Digital Video Disc], kita kena mungkin sewa itu DVD cerita ini, cerita pasal orang mental. Jadi *you* kene sewalah filem tu, *you* tengok “oh ini macam mana mental”. Jadi *you* sewa mungkin ataupun tengok tiga filem watak orang mental, jadi dari situ *you* cuba bimbing sendiri. Ini lah tips-tips sedikit *I* boleh *share*.

**SAJ: Jika Dato’ diberi peluang adakah Dato’ masih mahu melibatkan diri dalam lakonan?**

DNF: Kalau ada peluang ya, *I* mungkin-mungkin kalau ada satu apa tawaran yang begitu mencabar ataupun yang tidak apa *I* rasa jadual tu tak singkat sangat kemungkinan saya cuba berlakon balik ya, kalau satu dua hari okey lah kan, tapi watak tu kena mencabar. Jadi kalau setakat jadi apa itu- apa macam suri rumah tangga takde- takde apa rasa ni kan, senang itu siapa-siapa pun boleh bawa watak tu, tak payah saya kan (ketawa). Jadi, saya kena tengok dia tawaran tu betul-betul apa yang saya meminati dan betul-betul mencabar, ya.

**SAJ: Jika Dato’ tak keberatan boleh Dato’ share kan tips atau cara mengembangkan bakat dalam diri seseorang individu.**

DNF: Mengembangkan mana?

**SAJ: Mengembangkan bakat. Bakat lakonan.**

DNF: Hm, mengembangkan eh? *I* rasa sekarang bagi seorang pelakon–, oh *you* nak macam mana nak-nak *improve* [perbaiki] eh? *Improve* ya, *I* rasa sekarang banyak untuk zaman sekarang la *I* rasa banyak *you* boleh dapat tips-tips kan daripada akademi ke ataupun *you* google ke kan, *I* rasa dan pelakon itu sendiri mesti rajin untuk mengubah ataupun cuba apa yang dia dapat tahu macam mana untuk mengembang ataupun lakonkan perwatakan itu. *So I* rasa itu senang sekali. Tapi untuk kita dulu tak-tak apani tak ade peluang macam ni. Yang itu kita cuba *try and error* [cuba dan ralat] tau, kita berlakon lepas tu bila kita menonton balik baru kita perasan “alamak, kenapa saya berlakon macam ni ya?, patutnya kena buat *style* [gaya] gini”. Jadi dah terlambat, tapi sekarang kalau *you* dah ada internet semua kan, *you* dah boleh *prepare* [sediakan] untuk macam mana, untuk mengembangkan yang tu.

**SAJ: Okey, bagaimana Dato’ membahagikan waktu untuk kerjaya dan juga keluarga?**

DNF: Okey, sebab saya cuba kalau boleh la ya, *balance* [seimbang] kan waktu, tapi memandangkan dalam penerbitan ya, bidang penerbitan bila projek dah apani dah *start* memang sukar apa bahagikan masa, sebab bila projek *on* [jalan] ataupun *shooting* dah *on* dia punya masa tu tidak menentukan ya, kita mengikut jadual penggambaran ya, bukan ikut masa kita, jadi saya cuba buat walaupun bila dah *on* projek, saya punya *handphone* [telefon bimbit] pun mesti *on* takut sebab walaupun apa kejadian yang berlaku dekat set ke jadi walaupun biasanya walaupun *you* ada mengurus produksi ya, contohnya kalau ada satu kejadian yang berlaku di penggambaran ya, jadi mereka tidak boleh mengambil keputusan ya, untuk nak *stop*

[henti] *production* ke tidak betul tak. *So*, mungkin mereka perlu penerbit dulu. Jadi benda-benda ni kita tak boleh tutup terus lah ya, secara maksud saya bila kita ada *production* kita sentiasa dapat di hubungi ya, jadi bila *production on* memang saya bagitahu keluarga lah “*production on*” apa yang masa saya ada saya akan *soon* [nanti] dengan keluarga mungkin apa hari minggu ke kan, tapi kalau hari-hari minggu kalau saya terpaksa ke set, *I* akan terus ke set la jadi kita tak ada *time* yang *fix* [tetap] macam admin kan, macam kerja admin pukul sembilan sampai lima hari sabtu you ada, ini tak ya, projek *on* je tiba-tiba apa-apa boleh berlaku ha. Jadi keluarga saya memang dah faham, “oh mummy punya *time* dia tak tentu” kan, kadang-kadang kita perlu pergi dekat studio, “eh, hari sabtu ni ada waktu lapang jadi kita perlu pergi studio untuk nak tengok penyuntingan, jadi kita ikut *time* jadual penggambaran ataupun projek bila dah masa dah *on*.”

**HHN: Seterusnya, apakah perbezaan dalam bidang penerbitan dulu dan kini?**

DNF: Oh, yang sekarang– dulu susah kan, okey kena cakap dari segi apa peralatan okey, sekarang dah canggih betul tak? Dulu dia punya kamera besar, sekarang, zaman sekarang kita boleh gunakan kamera D-S-L-R kamera yang handphone pon kita boleh dah rekod video, jadi sebab teknologi kan, jadi sekarang– tapi dulu kita punya lain, kita punya menggunakan kamera filem ya, hanya tiga belas mm [millimeter], dan kamera tu pun berat kan, jadi kita menuju ke arah teknologi yang juga yang-yang bagus sekali lah ya, kita boleh *shoot night vision* [penggambaran waktu malam] dengan apa *day vision* [waktu siang] macam-macam kita boleh buat, jadi ini juga dapat membantu dari segi *production* ya, kamera juga rasa dia tak mahal sangat tapi cuma satu sahaja, dia punya model tu bertukaran, cepat *you* beli model ini kan, tahun depan ada model yang lagi canggih, ya. Jadi dari situ memang kita menuju ke arah yang memang banyak benda yang kita boleh buat dalam segi penerbitan, dengan zaman dulu la kan. Sekarang kita nak, kalau kita nak apa nak bayangkan ya, kita punya set lokasi tu dia punya visual tu macam mana senang kita buat teknologi kan. *Let say* [katakan], *you* nak *design the*

*office* [mereka bentuk pejabat] ya, untuk *office* punya *scene*, *so you* google dia ada keluar lah kan yang konsep *template office* [templat pejabat] macam ni, *so you just* tunjuk kepada pengarah atau penerbit, “ini lah visual set *office*” macam tu. Dulu tidak, kita kena pergi cari lokasi *rekey* satu *office* kan ambil gambar, lepas tu tunjuk betul tak, sekarang lain, you boleh pakai *visually artificial* [tiruan visual] apni *intelligent* [bijak] punya grafik ataupun *design*. Jadi senang kita boleh tengok saja tukar, dah habis saja pakai apa teknologi tukar “okey macam ni” semua senang, jadi kita– kecuali yang mana tak dapat la kan, kita terpaksa kena keluar untuk cari.

**HHN: Okey, adakah Dato’ berkeinginan (penemubual tersalah sebut) (ketawa) sorry.**

DNF: Takpa.

**HHN: Adakah Dato’ berkeinginan untuk kembangkan lagi syarikat.**

DNF: Okey, memang kami apa berazam untuk menerbit lagi memang Kementerian Komunikasi dan Multimedia [KKMM] ya, banyak membantu ya, penerbit-penerbit Malaysia, jadi kita mengambil kesempatan ini lah ya, kalau boleh untuk melibatkan diri lagi banyak projek mungkin dimana kita dapat menerbitkan sebuah filem tempatan yang boleh ke- apa pergi ke peringkat antarabangsa ya, dengan menonjolkan budaya Malaysia ya, lokasi Malaysia yang, dan juga jalan cerita yang dapat memikat penonton filem- luar. Ini lah hasrat Produksi Seni 2020.

**HHN: Seterusnya, apakah harapan Dato’ dalam industri seni ini?**



DNF: Oh, okey, yang dengan– banyak yang telah berlaku dalam apni penerbitan filem ni kan, jadi kami memang harap agensi-agensi kementerian multi- media dapat membantu lagi lah ya, kepada ekosistem ya, daripada produksi, krew, daripada artis, penerbit dan juga mana-mana ekosistem dalam satu *overall* [kesemuanya] itu untuk membantu kita punya perfileman Malaysia. Memang kita perlu bantuan daripada apni kerajaan dan kami memang sehingga harini kita berasa berterima kasih lah kepada FINAS kepada kementerian komunikasi yang apa, membantu ya, mereka memang membantu penerbit-penerbit filem Malaysia (bunyi kertas sedang diselak). Kami harap mereka dapat sambung lagi lah yang- yang lebih ya, untuk kemajuan filem Malaysia ke peringkat antarabangsa.

**HHN: Okey baik. Soalan yang terakhir, apakah perancangan Dato' terhadap syarikat penerbitan yang Dato' jalankan untuk masa depan?**

DNF: Hm, untuk masa depan? Hm, kami harap-harap dapat mencapai yang apa saya cakap tadi. Tujuan kami ialah untuk– harap-harap dapat menerbitkan sebuah filem tempatan sampai ke peringkat antarabangsa dan itu tak semestinya bajet besar. Walaupun bajet kecil tapi sebuah filem yang dapat memikat penonton luar mungkin satu hari boleh dapatkan satu award untuk Malaysia.

**SAJ: Itu sahaja soalan kami. Okey (bunyi kertas diselak)**

DNF: Itu saja eh, itu sahaja ya, oh okey. (ketawa) kenapa tak–

**Penutup: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai pendokumentasian sejarah lisan bersama Dato' Nancie Foo. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temubual ini. Sekian, terima kasih.**

## **6.0 RALAT**

**Terdapat beberapa Sepanjang temubual ini dijalankan, terdapat beberapa gangguan telah berlaku yang menyebabkan gangguan kepada kelancaran proses temubual ini yang tidak dapat kami elakkan. Gangguan-gangguan yang dimaksudkan adalah:**

1. Bunyi kenderaan
2. Bunyi gelang
3. Bunyi suara batuk penemubual
4. Bunyi kertas diselak
5. Tokoh ketawa
6. Bunyi nafas tokoh

## 7.0 HASIL KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dan menjawab persoalan kajian berdasarkan hasil temubual yang telah dijalankan Bersama dengan Dato' Nancie Foo. Tiga persoalan kajian yang diutarakan ialah apakah latar belakang tokoh, apakah pengalaman dalam hidupnya dan bidang kerjayanya, dan apakah kepakaran tokoh dalam bidangnya.

Hasil kajian mendapati, Dato' Nancie Foo merupakan seorang pelakon dan penerbit tanah air. Beliau merupakan anak kepada seorang pegawai polis dan surirumah. Beliau pernah bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Gombak, Sekolah Menengah Kebangsaan Air Panas, Setapak, dan melanjutkan pelajaran di Kuala Lumpur Stamford College, Kuala Lumpur. Beliau merupakan anak kedua daripada tiga orang adik beradik. Beliau telah berkahwin dengan seorang pemaju dalam bidang pembangunan iaitu Wong Kang Yeow dan dikurniakan tiga orang puteri. Anak-anak beliau ialah Wong Ai-Vee, Wong Ai-Lee dan Wong Ai-Dee, dan anak bongsunya masih belajar dalam Komunikasi Massa (MASSCOM) di Melbourne, Australia.

Terdapat pelbagai cabaran dan pengalaman yang dikongsikan oleh Dato' Nancie sepanjang temubual dijalankan. Beliau berkongsikan pengalaman manis sepanjang bergelar seorang pelakon. Banyak juga filem dan drama yang dibintangi oleh beliau antara yang popular adalah Bintang Pujaan. Filem ini berjaya menaikkan nama beliau sehingga mencapai anugerah Pelakon Wanita Harapan. Oleh kerana kefasihannya dalam berbahasa Melayu, beliau banyak membintangi drama seperti Remang-Remang Kotaraya, dan Tepuk Air Didulang.

## 8.0 LOG TEMUBUAL

MASA (MINIT)	SOALAN	ISI-ISI PENTING
00.00.01 – 00.00.45	Pembukaan sesi temubual <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama tokoh</li> <li>• Nama yang dikenali</li> <li>• Tarikh</li> <li>• Masa</li> <li>• Lokasi</li> <li>• Nama penemubual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Foo Thye See</li> <li>• Dato' Nancie Foo</li> <li>• 6 Januari 2023</li> <li>• 10.30 pagi</li> <li>• Ascott Kuala Lumpur, Jalan Pinang</li> <li>• Hasleeza binti Hamiddin</li> <li>• Sayang Asyira binti Jamali</li> </ul>
00.01.04 – 00.09.54	Bahagian 1: Latar belakang peribadi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Foo Thye See</li> <li>• Nama panggilan: Dato' Nancie Foo</li> <li>• Negeri asal: Selangor</li> <li>• Tempat lahir: Sabak Bernam, Selangor</li> <li>• Pekerjaan bapa: Pegawai polis</li> <li>• Pekerjaan ibu: Surirumah</li> <li>• Nama suami: Wong Kang Yeow</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama anak: Wong Ai-Dee, Wong Ai-Vee, Wong Ai-Lee</li> <li>• Anak kedua dari tiga orang adik-beradik</li> <li>• Hobi: menanam pokok, memasak, bermain golf, menonton wayang</li> </ul>
00.10.07 – 00.12.47	Bahagian 2: Kerjaya sebelum bergelar pelakon	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Part time modelling ketika berumur 18 tahun</li> <li>• Pernah bekerja sebagai personal assistant</li> </ul>
00.11.22 – 00.12.47	Bahagian 3: Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Jenis Kebangsaan Gombak</li> <li>• Sekolah Menengah Kebangsaan Air Panas, Setapak, Kuala Lumpur</li> <li>• Stamford College, Kuala Lumpur</li> </ul>
00.16.15 – 00.24.26	Bahagian 4: Perjalanan ketika bergelar pelakon	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memulakan kerjaya sebagai seorang pelakon dengan menghadiri uji bakat di RTM</li> <li>• Drama pertama beliau adalah ‘Tepuk Air di Dulang’</li> <li>• Memegang watak sebagai penagih dadah</li> <li>• Filem pertama beliau adalah ‘Bintang Pujaan’</li> <li>• Pengalaman yang tidak dapat dilupakan.</li> </ul>

00.38.00 - 01.00.30	Bahagian 5: Kerjaya semasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setelah berkahwin, beliau bersara sepenuhnya dalam bidang lakonan</li> <li>• Selepas 5 tahun, beliau muncul kembali dengan bergelar seorang penerbit filem</li> <li>• Mempunyai syarikat penerbitan yang bernama Produksi Seni 2020.</li> <li>• Mempunyai rakan kongsi iaitu Datin Wendy Wong</li> <li>• Filem pertama terbitan beliau bertajuk ‘Red Haired Tumbler di Malaya’</li> <li>• Filem kedua yang bakal ditayangkan pada Jun 2023 iaitu ‘Sumpahan Jerunei’</li> </ul>
01.11.01	Bahagian 6: Pencapaian dan Penganugerahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah dinobatkan dalam Anugerah Bintang Harapan Aktres pada tahun 1981</li> <li>• Mendapat Darjah Indera Mahkota Pahang iaitu gelaran Dato’ pada tahun 2016</li> <li>• Anugerah Khas Juri bagi filem Red Haired Tumbler</li> </ul>
01.18.20 - 01.31.42	Bahagian 7: Pendapat dan harapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tips mengembangkan bakat dalam lakonan</li> <li>• Perbezaan dalam dunia penerbitan dari segi teknologi</li> <li>• Mengekalkan diri dalam industri dalam tempoh yang lama dengan melibatkan diri</li> </ul>

		<p>dalam Persatuan Penerbit Filem Malaysia dan Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harapan supaya filem Malaysia dapat menembusi pasaran antarabangsa</li> </ul>
01.34.16 – 01.34.32	Bahagian 8: Penutupan sesi temubual	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucapan terima kasih</li> </ul>



## 9.0 RUJUKAN

- Adnan Jusoh. (2022, August 1). Hasilkan Lebih Banyak Filem Berunsur Sejarah, Biografi Tokoh. Retrieved 2022, December 15 from <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/08/982870/hasilkan-lebih-banyak-filem-berunsur-sejarah-biografi-tokoh>
- Arbaayah Ali Termizi. (2020, April 24). Aktiviti Seni Rancak di Dunia Maya. Retrieved 2022, Disember 15 from <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20200424/281968904832308>
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Seni. Retrieved 2022, November 26 from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seni>
- Kompas. (2020, January 1). Seni: Pengertian dan Media. Retrieved 2022, December 17 from <https://www.kompas.com/skola/read/2020/01/22/160000169/seni-pengertian-dan-media?page=all#:~:text=Menurut%20Kamus%20Oxford%2C%20seni%20adalah,karena%20keindahan%20atau%20kekuatan%20emosionalnya.>
- M. Zaki Arif. (2021, November 28). Kepentingan Penerbitan Biografi. Retrieved 2022, December 15 from <https://www.sinarharian.com.my/article/174868/khas/pendapat/kepentingan-penerbitan-biografi>
- Prawiro, M. (2020, July 30). Pengertian Seni: Fungsi, Tujuan, dan Macam-macam Seni. Retrieved 2022, December 17 from <https://www.maxmanroe.com/vid/umum/pengertian-seni.html>
- Pusaka. (n.d.). Traditions & Communities, Wayang Kulit: Kumpulan Wayang Kulit Sri Warisan Pusaka. Retrieved 2022, December 17) from [https://www.pusaka.org/communities-wayang-kulit#:~:text=WAYANG%20KULIT%20\(KELANTAN\)&text=In%20Malaysia%2C%20the%20most%20distinctive,Kelantanese%2DPatani%20dialect%20of%20Malay](https://www.pusaka.org/communities-wayang-kulit#:~:text=WAYANG%20KULIT%20(KELANTAN)&text=In%20Malaysia%2C%20the%20most%20distinctive,Kelantanese%2DPatani%20dialect%20of%20Malay)

- Rakha Fahreza Widyananda. (2020, Desember 1). Macam-macam seni serta fungsinya dalam kehidupan sehari-hari, anda wajib tahu. Retrieved 2022, November 26 from <https://www.merdeka.com/jatim/macam-macam-seni-serta-fungsinya-dalam-kehidupan-sehari-hari-anda-wajib-tahu-klm.html>
- Ridzuan Abdul Rahman. (31 Ogos 2022). Sokonglah Juga Artis Veteran! Retrieved 6 November 2022 from <https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/08/877181/sokonglah-juga-artis-veteran>
- Siti Rugayah. (2019, November 20). Seni Lakon (Drama, Teater, Dan Filem) Dari Perspektif Islam. Retrieved 2022, December 17 from <https://www.coursehero.com/file/50695182/seni-lakon-artikelSENI-LAKON-20191015013538pdf/>
- UKM. (n.d.). Sejarah Lisan. Retrieved 31 october 2022 from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>
- UM. (n.d.). Sejarah Lisan. Retrieved 2022, October 31 from <https://perpustakaan.um.edu.my/sejarah-lisan>
- Walid Ali. (2018). Perkembangan Psikologi dan Trend Teater Millennial di Malaysia. Retrieved 2022, Desember 16 from <https://www.eksentrika.com/mengkaji-psikologi-teater-millennial-di-malaysia/>

## 10.0 LAMPIRAN


### 10.1 Lampiran 1 – Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya NANCIE Foo THYE SEE K/P: 581031-10-6371 pada  
6/1/2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

  
Nama tokoh: NANCIE Foo  
Tarikh: 6/1/2023

  
.....  
(Nama pensyarah: Jafalzan Bin Md Jali)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA



Kolej  
Pengajian Pengkomputeran,  
dan Media Pengurusan

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)  
Tarikh : 10 November 2022

YBhg. Dato' Nancie Foo,  
Yayasan Artis Veteran Malaysia,  
No. 61, Jalan 2, Taman Sri Cheras  
Jaya, Selangor,  
43200 Cheras.

YBhg. Dato',

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari program ijazah Pengurusan Maklumat (Pengurusan Rekod), (Kep) Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berhasrat untuk menemubual mengenai kerjaya seni dan pengalaman hidup YBhg. Dato', bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan biografi YBhg. Dato'.

2. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "Oral Documentation" atau Pendokumentasian Lisan (IMR 604).

3. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UITM	NO. TEL.
Hasleeza Binti Hamiddin	2020489386	011-12553565
Sayang Asyira Binti Jamali	2020470184	011-64899698

4. Untuk rujukan pihak YBhg. Dato', berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:

- a) Untuk mengenali YBhg. Dato' dengan lebih mendalam.  
b) Untuk mengetahui pengalaman YBhg. Dato' dalam hidup dan bidang yang diceburi.  
c) Untuk mendokumentasikan biografi YBhg. Dato' Nancie Foo

Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

JAFALIZAN BIN MD JALI  
Pensyarah Kanan  
b.p Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat

Kompleks Al-Khawarizmi  
Universiti Teknologi MARA  
40150 Shah Alam, Selangor, Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 5543 5529 / 5307 / 4860  
Faks: (+603) 5543 5501



## 10.2 Lampiran 2 – Soalan Temubual

### a) Latar belakang tokoh.

Boleh Dato' ceritakan mengenai latar belakang Dato'?

Boleh Dato' kongsi mengenai keluarga Dato'?

Siapakah nama suami Dato'?

Apakah pekerjaan beliau?

Suami Dato bekerja dalam bidang apa?

Berapakah bilangan anak - anak Dato'?

Siapakah nama mereka?

Berapakah umur mereka ketika ini?

Boleh dato' ceritakan mengenai anak - anak Dato'?

### b) Kerjaya dalam bidang lakonan

Pada umur berapakah Dato' mula ceburkan diri dalam bidang lakonan?

Siapakah yang membawa Dato' kedalam dunia seni.

Apakah yang membuatkan Dato' tertarik dengan industri seni?

Siapakah yang menjadi idola Dato' dalam industri seni ini sehingga kini?

Siapakah yang mula mencungkil bakat Dato' dalam bidang lakonan ini?

Apakah yang mendorong Dato' untuk menceburkan diri kedalam bidang ini?

Adakah Dato' meminati untuk menceburkan diri dalam industri seni?

Apakah reaksi keluarga Dato' apabila Dato' memilih untuk menceburkan diri ke dalam industri seni?

Adakah anak anak Dato' berminat dalam industri seni?

Adakah Dato' akan menyokong sekiranya mereka ingin menceburkan diri dalam industri seni?

Apakah cabaran yang Dato' hadapi sepanjang bergelar pelakon?

### **c) Pengalaman dalam dunia lakonan**

Apakah pengalaman manis yang Dato' lalui sepanjang bergelar pelakon?

Apakah pengalaman pahit yang Dato' dapat kongsi semasa menjadi seorang pelakon?

Drama atau Filem manakah yang Dato' jayakan menjadi kesukaan Dato'?

Adakah Dato' telah bersara dalam bidang lakonan sepenuhnya?

Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh Dato' sepanjang bergelar seorang pelakon?

Apakah watak yang Dato' teringin sangat mencubanya?

Boleh Dato' kongsi bagaimana perjalanan penggambaran (shooting) ketika zaman itu?

Jika diberi peluang, adakah Dato' masih mahu melibatkan diri dalam lakonan lagi?

Adakah Dato' mengikuti kelas - kelas lakonan? (jika ya, boleh kongsi)

### **d) Kerjaya dalam bidang penerbitan**

Boleh Dato' ceritakan berkenaan latar belakang dato' dalam bidang penerbitan?

Pada tahun bilakah dato' memula kegiatan dalam bidang penerbitan?

Apakah filem pertama yang dato terbitkan.

Siapakah pelakon yang terlibat ketika itu?

Adakah dato mempunyai rakan kongsi?

Siapakah rakan kongsi dato?

Adakah Dato' pernah berkolaborasi bersama artis lain untuk sesuatu projek atau rancangan tv?

Berapa lamakah tempoh masa yang diambil dalam menerbitkan sesebuah filem dan drama?

#### **e) Pendapat dalam dunia seni**

Boleh Dato' kongsi, bagaimana Dato' berjaya mengekalkan diri dalam tempoh yang lama dalam industri ini?

Apakah cabaran yang Dato' lalui sepanjang mengendalikan syarikat penerbitan?

Adakah Dato' mempunyai genre yang spesifik dalam penerbitan karya?

Adakah Dato' lebih selesa bekerja di belakang tabir berbanding di hadapan kamera?

Pada pendapat Dato', adakah sukar untuk Dato' menyesuaikan diri dalam bidang penerbitan?

Apakah filem atau drama yang Dato' terbitkan?

#### **f) Anugerah**

Apakah anugerah yang Dato' perolehi sepanjang menceburi bidang lakonan?

Apakah anugerah yang Dato perolehi sepanjang menceburi bidang penerbitan?

apakah perasaan Dato' ketika menerima anugerah tersebut?

Adakah tawaran lakonan Dato' bertambah selepas penganugerahan tersebut?

Boleh dato' ceritakan mengenai anugerah pingat darjah kebesaran yang diperolehi?

Apakah sumbangan yang telah dato' berikan kepada negeri Pahang sehingga menerima pingat darjah kebesaran tersebut?

### **g) Pendapat**

Boleh dato' kongsi tips - tips lakonan yang Dato' gunakan ketika menjayakan sesebuah watak itu?

Jika Dato' tidak keberatan, boleh Dato' kongsi tips atau cara untuk mengembangkan bakat dalam diri individu?

Bagaimana pula untuk menonjolkan bakat dengan berkualiti bagi pendatang baru pada pandangan dato'?

Bagaimana Dato' membahagikan waktu untuk kerjaya dan juga keluarga?

Adakah penggunaan teknologi terkini membantu dalam penerbitan karya Dato'?

Pada pendapat Dato', apakah perbezaan dalam bidang penerbitan dahulu dan kini?

Apakah harapan Dato' dalam industri seni kini?

Apakah keinginan Dato' dalam mengembangkan syarikat penerbitan Dato'?

Apakah perancangan Dato' terhadap syarikat penerbitan ini pada masa depan?



### 10.3 Lampiran 3 – Diari Kajian

Minggu ke-2	Pembahagian kumpulan
Minggu ke-6, 8 dan 12	Konsultasi bersama pensyarah
Minggu ke-3 sehingga 14	Perbincangan bersama ahli kumpulan
Minggu ke-4 dan 5	Penyediaan surat-menyurat
Minggu ke-5	Pemilihan tokoh Mula menghubungi tokoh
26 November 2022	Temubual awal dijalankan
Minggu ke 7 sehingga 9	Penyediaan soalan dan alatan temubual
Minggu ke- 8 dan 11	Menentukan tarikh temujanji bersama tokoh
Minggu ke-4 sehingga 14	Penyediaan kertas kerja
20 Disember 2022	Semakan soalan bersama dengan pensyarah

6 Januari 2023	Temubual dijalankan bersama tokoh di Ascott Hotel, Kuala Lumpur.
10 Januari 2023	Semakan transkrip 3 muka surat awal Penetapan tajuk artikel
17 Januari 2023	Semakan artikel bersama supervisor
Minggu ke 10 sehingga 14	Penghargaan dan pembentangan


#### 10.4 Lampiran 4 – Gambar



Dato' Nancie Foo bersama dengan Rakan Artis.



Dato' Nancie Foo dalam drama Tepuk Air Di Dulang.



Dato' Nancie Foo dalam drama Remang-Remang Kotaraya bersama Dato' Yusuf Haslam dan A. Galak.



Poster bagi filem Bintang Pujaan dan Main-main Hantu yang dibintangi oleh Dato' Nancie Foo.





Dato' Nancie Foo bersamanya Wong Ai-Lee ketika Anugerah Pingat Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) yang membawa gelaran Dato'.



Dato' Nancie Foo bersama dengan anak-anaknya ketika sambutan hari lahir beliau.



Dato' Nancie Foo bersama dengan ibu dan bapa beliau.



Penembual bersama dengan Dato' Nancie Foo ketika temubual awal dijalankan.



Penembual bersama dengan Dato' Nancie Foo ketika temubual sebenar dijalankan.